

ملاك هاري اين
Mhi MELAKA HARI INI
Sejak 1982

MELAKA ONE NUMBER CALL CENTRE (ONCC)

Ingin tahu nombor telefon agensi kerajaan untuk sebarang bantuan dan khidmat nasihat berkaitan Covid-19? Sila hubungi ONCC di talian:

06-333 3333

08 jam termasuk Sabtu dan Ahad



MHI mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada pembaca beragama Kristian di Melaka

Melaka ikrar bebas rasuah



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (tengah) mengetuai lafaz Ikrar Bebas Rasuah Kerajaan Negeri Melaka di sebuah hotel di Johor Bahru bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ts. Kamel Mohamad, sambil disaksikan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya (kanan). **2**



Tiga misi EXCO muda

- Melaka hab pelancongan kesihatan
- Jadi terawal beralih fasa endemik COVID-19
- Sasar penurunan 30 peratus gejala penagihan dadah



3

Sekitar Bengkel Intelektualiti dan Personaliti EXCO dan ADUN Melaka **6&7**

PSH Melaka pertama di Asia perkenal pembedahan robotik **18**

Penangan jeruk mangga lampu isyarat **20**

Komitmen menjadikan Melaka Bebas Rasuah - KM

JOHOR BAHRU - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bersama semua kepimpinan kerajaan negeri menyempurnakan lafaz Ikrar Bebas Rasuah, 15 Dis lalu.

Lafaz ikrar itu turut disertai semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Barisan Nasional (BN) Melaka.

Sulaiman berkata, majlis itu diadakan bertujuan untuk menjadikan Melaka sebuah negeri bebas rasuah dan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang perlakuan jenayah itu.

"Majlis ini merupakan simbolik komitmen yang tinggi oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk mewujudkan sebuah negeri yang bebas rasuah dan 'zero tolerance' terhadap perlakuan jenayah rasuah.

"Ini juga selaras dengan mani-

festu atau aku janji Kerajaan Negeri Melaka adalah bertemakan 'Kesetiaan demi Kemakmuran' yang bersandarkan kepada lima teras dan 103 inisiatif.

"Di bawah teras 3 yakni kecekapan tadbir urus, Kerajaan Negeri berjanji untuk memperkayakan tadbir urus yang bersih dan telus dalam tempoh 100 hari mentadbir negeri ini," katanya dalam satu hantaran di laman Facebook beliau.

Majlis tersebut turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ts. Kamel Mohamad; EXCO Kanan Pelaburan, Perindustrian, dan Pembangunan Usahawan Negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya.

Ia turut dihadiri EXCO dan ADUN BN Melaka.



SULAIMAN (depan, tiga dari kiri) bersama semua kepimpinan kerajaan negeri bergambar selepas menyempurnakan lafaz Ikrar Bebas Rasuah, baru-baru ini.

Melaka terima lebih 1.3j pelancong Jan-Nov tahun ini

BANDA HILIR - Walaupun berdepan cabaran pandemik COVID-19, jumlah kedatangan pelancong ke Melaka tetap dianggap membanggakan tahun ini, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Beliau berkata, setakat Jan hingga Nov 2021, Melaka merekodkan kehadiran pelancong seramai 1,303,582 juta orang dari dalam dan luar Negeri Melaka.

Menurutnya, daripada jumlah tersebut, premis penginapan termasuk hotel dan inap desa (homestay) mencatatkan seramai 358,776 pengunjung, hospital swasta 404,665 dan tempat-tempat tarikan pelancong seramai 540,141.

"Syukur Alhamdulillah, pada 18 Okt lalu, Melaka telah pun beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan kita tidak menangan menerima kunjungan para pelancong dari luar Negeri Melaka.

"Insya-Allah, dengan kemasukan ramai pelancong, sektor ekonomi khususnya sektor pelancongan Negeri Melaka akan kembali pulih," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Pakej Everlasting Love Melaka River Cruise anjuran Perba-



KEADAAN Banda Hilir yang sesak setiap hujung minggu selepas pintu sempadan negeri dibuka untuk aktiviti pelancongan. (FOTO: Mr Azli)

danan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) di Taman Rempah, 12 Dis lalu.

Mengulas lanjut, Sulaiman memaklumkan, Melaka River Cruise yang terkenal sebagai ikon pelancongan Melaka tidak terkecuali menerima tempas positif sebaik sektor pelancongan kembali dibuka.

Katanya, setakat Jan hingga 7 Dis jumlah kedatangan pelancong menaiki Melaka River Cruise ialah seramai 212,121.

"Daripada pencapaian pengunjung tersebut, peraturan pelancong domestik adalah sebanyak 98 peratus manakala pelancong antarabangsa sebanyak dua peratus.

"Bukan itu sahaja, Melaka River Cruise juga telah mendapat pengiktirafan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia dan Tourism Productivity Nexus menerusi Program Free Covid-19 Destination," katanya.

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.
20 - 26 Disember 2021 (15-21 Jamadilawal 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20 DISEMBER 2021	5.56 am	7.10 am	1.11 pm	4.35 pm	7.10 pm	8.25 pm
21 DISEMBER 2021	5.56 am	7.10 am	1.12 pm	4.36 pm	7.11 pm	8.25 pm
22 DISEMBER 2021	5.57 am	7.11 am	1.12 pm	4.36 pm	7.11 pm	8.26 pm
23 DISEMBER 2021	5.57 am	7.11 am	1.13 pm	4.37 pm	7.12 pm	8.26 pm
24 DISEMBER 2021	5.58 am	7.12 am	1.13 pm	4.37 pm	7.12 pm	8.27 pm
25 DISEMBER 2021	5.58 am	7.12 am	1.14 pm	4.38 pm	7.13 pm	8.27 pm
26 DISEMBER 2021	5.59 am	7.13 am	1.14 pm	4.38 pm	7.13 pm	8.28 pm

Jadikan Melaka hab pelancongan kesihatan

Mohamad Fazrul Abdul Majid & Faiz Hasan

AYER KEROH - Menjadikan Melaka sebagai hab pelancongan kesihatan menjadi antara misi utama yang bakal diperjuangkan Exco Kesihatan, Dr Muhamad Akmal Saleh.

Beliau berkata, visi itu menjadi keutamaan memandangkan Melaka terkenal sebagai sebuah negeri pelancongan

Dengan disokong empat hospital swasta terkemuka dan 300 buah klinik swasta di negeri ini, ujarnya, perkara itu tidak mustahil untuk direalisasikan.

"Saya melihat contoh model dari Thailand yang mana mereka

mempunyai banyak 'rehab centre' berkelas dunia.

"Walaupun harga untuk rehab itu seolah tidak masuk akal iaitu kira-kira RM50,000 (USD12,000) untuk seminggu, tetapi menariknya orang ramai dari seluruh dunia tetap datang ke situ.

"Jadi, jika Melaka boleh terima 100,000 hingga 200,000 pelancong seminggu kenapa tidak untuk kita bangunkan industri pelancongan kesihatan ini.

"Di samping menerima rawatan, pelancong juga boleh berjalan-jalan dan menikmati pelancongan di Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam wawancara khas bersama

Melaka Hari Ini, baru-baru ini.

Muhamad Akmal berkata, selain pelancongan kesihatan, fokus menjadikan Melaka negeri pertama memasuki fasa endemik dan memerangi varian-varian baharu turut diberi tumpuan.

Selain itu, beliau yang juga Exco Antidadah turut bertekad memerangi dadah yang menjadi musuh utama negara pada ketika ini

Beliau menyasarkan dalam tempoh lima tahun akan datang, jumlah penagihan dadah di Melaka akan menurun 30 peratus melalui pelbagai perancangan yang akan dijalankan bersama agensi terlibat.



MUHAMAD Akmal

"Jadi tiga sasaran ini (pelancongan kesihatan, fasa endemik dan perangi dadah) adalah misi utama saya yang mana, saya akan

membentangkan indeks petunjuk prestasi (KPI) ini setiap tiga bulan pada Mesyuarat EXCO nanti," katanya.

Dedah ilmu politik seawal usia muda



MUHAMAD Akmal (kanan) pada program Diskusi@Melaka TV yang dikendalikan moderator, Anuar Shaari, baru-baru ini.

AYER KEROH - Pendedahan dunia politik kepada orang muda amat penting demi masa depan negara, kata EXCO termuda Melaka Dr Muhamad Akmal Saleh.

Beliau yang merupakan EXCO Kesihatan dan Antidadah negeri berkata, demokrasi dan politik seharusnya didedahkan sejak peringkat sekolah lagi dengan tujuan untuk memastikan generasi baharu memahami perjalanan demokrasi dan sesebuah organisasi menentukan hala tuju negara.

Katanya, tanpa pendedahan awal, mungkin ada segelintir anak muda tidak akan berminat mengetahui perjalanan politik dalam negara, sekali gus memberi kesan besar kepada masa

depan anak bangsa kelak.

"Saya selalu memandang bahawa pendedahan politik dalam kalangan anak muda sangat penting. Ada orang pernah mengatakan bahawa politik itu kotor, tidak! Politik itu tidak kotor, cuma individu yang menjadikannya kotor.

"Bayangkan jika politik tidak didedahkan, mungkin ada anak muda yang tidak akan mengambil tahu pun sedangkan politik itu penentu masa depan," katanya dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Muhamad Akmal yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Merlimau berkata, sebagai wakil rakyat, beliau amat mementingkan suara anak muda didengari di ne-

geri ini.

Justeru, beliau sentiasa mengambil pendekatan mendekati anak-anak muda di Merlimau dalam usaha mengurangkan jurang di antara pemimpin dengan golongan belia yang merupakan tonggak masa depan negara.

"Anak muda sekarang bukan macam dahulu, mereka mahu pemimpin dengar suara mereka dan bukan hanya menggunakan mereka ketika pilihan raya sahaja.

"Jadi, inilah yang saya lakukan di Merlimau yang mana saya cuba memahami dan menjiwai orang muda yang mana akhirnya mereka (orang muda) inilah yang akan bersama-sama kita memajukan negeri ini kelak," katanya.

Sedia tempat rehat 'rider' e-hailing di Merlimau

AYER KEROH - Sebuah tempat rehat bagi penghantar makanan e-hailing akan diwujudkan di Pusat Khidmat Rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, inisiatif itu diadakan bagi menghargai sumba-

ngan besar penghantar makanan yang berpanas berhujan dalam membantu rakyat di kawasan itu.

Pada masa sama, katanya, kewujudan tempat rehat itu juga bertujuan untuk 'merakyatkan' pusat khidmat rakyat Merlimau.

"Kita sediakan tempat untuk mereka berehat kerana saya sendiri

tidak sanggup melihat mereka hanya berehat di kaki lima sewaktu menunggu pesanan.

"Jadi kita nak merakyatkan pusat khidmat kita dan pada masa sama ini akan mengurangkan jurang di antara pemimpin dengan rakyat dan kita juga boleh tahu segala permasalahan mereka," katanya

dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, Muhamad Akmal berkata, dalam memudahkan urusan rakyat, pihaknya juga menjadi antara yang terawal mewujudkan sistem aduan masyarakat menerusi kod QR.

Katanya, kod QR itu diletakkan

di setiap balai raya, sekolah, surau, perhentian bas, pasar dan lain-lain lokasi pada 24 Nov yang lalu.

"Sehingga kini, kita telah menerima lebih 1,500 aduan dan alhamdulillah kita berjaya memberi 100 peratus maklum balas daripada kesemua aduan yang diterima," katanya lagi.

Bangunkan litar 'drag race', pasar terapung pertama di Malaysia

AYER KEROH 12 Dis - Merlimau akan dimajukan menjadi antara kawasan yang mempunyai pelbagai tarikan utama sekali gus memperkasa pelancongan negeri.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, antara perancangan yang akan dirangka

ialah mewujudkan sebuah litar lumba kereta (*drag car*) di kawasan itu untuk menarik minat anak muda.

Selain itu katanya, sebuah padang bola sepak yang kondusif dilengkapi pelbagai kemudahan dan prasarana juga akan dibangunkan bagi membolehkan aktiviti riadah belia

dapat dijalankan.

"Kita juga akan pertingkatkan lagi ekonomi orang Merlimau kerana di Merlimau sebenarnya mempunyai pelbagai tarikan namun ia perlu dinaik taraf agar mampu menarik pelancong ke Merlimau.

"Saya juga fokus untuk mahu jadikan se-

buah kawasan di Merlimau sebagai sebuah lokasi 'floating market' sekali gus menjadi pusat perniagaan pertama di Malaysia menggunakan konsep itu.

"Ini akan menjadi tarikan kepada Merlimau sekali gus akan meningkatkan ekonomi di kawasan itu," katanya.

Bajet Melaka 2022

Utamakan kebajikan, kesihatan rakyat berbilang kaum

Liana Sahabudin & Siti Salehah

AYER KEROH - Kebajikan dan kesihatan rakyat menjadi antara perkara utama yang perlu dimasukkan dalam agenda kerajaan negeri sepanjang tahun hadapan.

Perkara itu disuarakan beberapa pemimpin di negeri ini menjelang pembentangan Bajet Melaka 2022, hujung bulan ini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning Zulkiflee Mohd Zin, prasarana kesihatan di negeri antara perkara paling mustahak memandangkan kebergantungan kepada satu hospital sahaja iaitu Hospital Melaka sudah mencapai tahap maksimum.

Justeru, beliau meminta agar adanya satu perancangan untuk menaik taraf fasiliti hospital utama di negeri ini pada pembentangan Bajet 2022 itu nanti.

"Saya juga harap akan adanya pengasingan pada fasiliti kesihatan awam kita. Contohnya, mengapa tidak kita buat satu hospital khas untuk kanak-kanak dan sebagainya.

"Jadi dengan caraini ia akan memudahkan rakyat dan perkhidmatan itu akan lebih cemerlang," katanya.

Sementara itu, Pengerusi MIC Negeri V P Shanmugam berharap kerajaan negeri menyediakan peruntukan khas untuk kemajuan masyarakat India sama seperti negeri-negeri lain.

Beliau yang juga ADUN Gadak berkata, antara peruntukan yang diperlukan termasuklah membabitkan projek menaik taraf sekolah dan rumah ibadat termasuk kuil di negeri ini.

"Seperti negeri lain mereka ada



ZULKIFLEE



SHANMUGAM

peruntukkan itu contohnya di Johor mereka terima sejumlah RM2 juta untuk kemajuan masyarakat India.

"Tetapi di Melaka kita tidaklah meletakkan sebarang jumlah, ia terpulung kepada budi bicara Ketua Menteri.

"Dengan peruntukkan itu kita akan dapat menyediakan kemudahan

yang dapat meningkatkan kemajuan masyarakat Indiadi Melaka," katanya.

Naib Pengerusi MCA Melaka, Yong Fun Juan pula meminta kerajaan negeri prihatin nasib semua peniaga kecil termasuk kaum Cina yang terjejas sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

Katanya, disebabkan beberapa siri perintah kawalan pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan tahun ini, ramai yang terkesan dan hilang sumber pendapatan.



FUN Juan

"Kerajaan negeri juga perlu memberi pengurangan cukai dan kalau boleh sedikit insentif kepada para peniaga kecil di negeri ini.

"Selain itu, sekarang pun ramai orang tiada kerja kalau boleh adakan pengambilan pekerja baharu atau meneruskan karnival kerjaya bagi membantu graduan yang masih menganggur," katanya.

Pada masa sama, Fun Juan turut meminta aspek kebajikan diberi perhatian termasuk melihat semula status penerima bantuan kebajikan yang ditolak sebelum ini.

"Bukan itu saja, pusat penjagaan warga emas, OKU dan anak-anak yatim juga perlu dilihat semula dari segi kebajikan diberikan sama ada mencukupi atau tidak," katanya lagi.

pihak berkuasa tempatan (PBT) juga perlu dikekalkan sebab kita masih lagi dalam era pandemik COVID-19," katanya ketika dihubungi MHI.

Mengulas lanjut, Zaleha berkata peruntukan kepada NGO juga perlu disuarakan bagi memudahkan NGO di negeri ini menjalankan aktiviti selari dengan dunia moden digital.

"Bila kita ada peruntukan mudah untuk kita (persatuan) adakan program-program atau kursus digital secara dalam talian untuk

Bajet Melaka 2022

Perlu mesra rakyat, menyeluruh untuk semua

Faris Haikal Zakaria

AYER KEROH - Permudahkan kehidupan rakyat, seimbang dan inklusif perlu menjadi tunjang utama kerajaan negeri dalam membentangkan Bajet Negeri Melaka 2022 tidak lama lagi.

Demikian antara harapan yang disuarakan rakyat dalam tinjauan Melaka Hari Ini (MHI), baru-baru ini.

Seorang pesara, Muhammad Razakir Abdullah, 59, berkata, selain berharap tadbir urus yang baik, dia juga meminta kerajaan negeri menyediakan peruntukan dalam memperbanyakkan aktiviti sosial dan kemasyarakatan di setiap agensi mahupun segenap kehidupan rakyat.

"Saya berharap ada peruntukan khas untuk golongan pesara melakukan aktiviti kemasyarakatan contohnya, buatlah lebih banyak tempat untuk beriadah, trek jogging dan apa-apa yang boleh kita manfaatkan.

"Dengan ini, rakyat yang terkesan masa berlakunya COVID-19 tempoh hari dapat melepaskan tekanan dan Melaka jadi lebih sihat, seterusnya kurangnya masalah-masalah tekanan jiwa. Jangan fikir ekonomi sampai lupakan sosial. Ia harus seimbang," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Fasarul Md Isa, 39, pula mengusulkan agar kerajaan negeri ketika ini menyediakan alternatif dan kemudahan dalam

urusan pembelian rumah.

Ujarnya, memiliki rumah pada usia muda adalah penting demi kesenangan pada masa akan datang.

"Saya mohon pihak kerajaan untuk bajet akan datang ini usulkan supaya perumahan mampu milik diberikan keutamaan atau kuota kepada golongan B40 dan belia.

"Contohnya mereka (kerajaan negeri) boleh buat konsep sewabeli. Bilakah lima tahun seseorang itu sewa dan nampak dia ada pendapatan yang kekal, bukapeluang untuk mereka beli rumah itu sebab mereka ini mungkin mampu tapi belum berstatus pendapatan tetap," katanya.

Sementara itu, seorang usahawan Kamziah Kamal, 46, pula mahu Bajet Melaka 2022 menitik beratkan pemberian insentif kepada golongan wanita terutama ibu-ibu tunggal.

"Ibu tunggal ini perlu diberi perhatian sebab ada di antara kami terpaksa melakukan dua tiga kerja seperti menjaga anak, menjaga ibu bapa yang sakit dan bekerja.

"Jadi segala bantuan seperti yang diumumkan sebelum ini diharap akan diteruskan, selain saya juga berharap kerajaan negeri boleh menyediakan bantuan modal melalui geran dan sebagainya untuk membantu memulakan perniagaan selaras dengan inisiatif Melaka Bebas Berniaga yang diumumkan," katanya.

Bajet Melaka 2022

Perbanyakkan premis perniagaan, bantu pelancongan

AYER KEROH - Persatuan Penjual, Peniaga dan Pengusaha Kecil Melayu Negeri Melaka meminta kerajaan negeri membina lebih banyak premis perniagaan berbumbung di negeri ini bersempena pembentangan Bajet Melaka 2020, hujung bulan ini.

Yang Dipertuanya Datuk Zaleha Bujang berkata inisiatif itu sekali gus dapat membantu kira-kira 5,000 peniaga dan peniaga yang telah berdaftar di bawah persatuan itu untuk menjalankan perniagaan mereka.

"Kita (sebagai) badan bukan kerajaan (NGO) mintakerajaan negeri ketengahan perkara ini dalam pembentangan Bajet 2022 Melaka nanti supaya lebih ramai peniaga dapat meluaskan perniagaan mereka.

"Saya yakin inisiatif ini untuk memudahkan mereka (peniaga) untuk berniaga, jika boleh perbanyakkan lagi premis perniagaan di kawasan yang strategik yang boleh menguntungkan peniaga.

"Selain itu potongan 50 peratus lesen perniagaan di bawah

bantu peniaga kecil.

"Ini termasuklah memberi peralatan berniaga yang khusus dan sebagainya untuk mereka memulakan perniagaan kerana mereka ini kebanyakannya tiada modal untuk berniaga," katanya.

Sementara itu Presiden Persatuan Pelancongan Melaka (MTA) Madelina Kuah turut berharap pemain industri pelancongan juga diberikan perhatian dalam pembentangan Bajet 2022 Melaka

nanti.

Katanya, harapan utama persatuan itu adalah kerajaan negeri memberi perhatian kepada pekerja-pekerja sektor pelancongan bukan sahaja untuk golongan muda, malah yang berusia lebih 50 tahun.

"Ini kerana mereka lebih berpengalaman dan tahu segala tentang peninggalan warisan dan budaya yang ada di Melaka, pengalaman mereka ini sukar untuk dicari," katanya.



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menghantar Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam yang akan berlepas ke luar negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ts. Kamel Mohamad.

Gotong-royong indahkan Sungai Melaka

Liana Sahabudin

PENKALAN RAMA - Politeknik Merlimau Melaka (PMM) mengambil inisiatif gotong-royong bagi membersihkan Sungai Melaka sekali gus memberi kesedaran sivik kepada masyarakat di negeri ini.

Inisiatif itu dilaksanakan menerusi Program Gotong Royong 'Cintailah Sungai Kita @ Sungai Melaka' bersama Centre of Technology (COT), Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) PMM serta Kelab Hospitio JPH.

Pengurus COT PMM, Surina Nordin berkata program itu bertujuan memberi kesedaran pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar terutamanya sungai-sungai di Melaka.

"Ianya akan menjadi daya tarikan pelancongan di Negeri Melaka selain menyumbang kepada kesedaran sivik para pelajar PMM dalam menjaga kebersihan alam sekitar.

"Tidak hanya memberi pendedahan yang luas terhadap kepentingan menjaga alam sekitar, malah mampu mengubah imej sungai kita supaya menjadi lebih cantik.

"Jika kita sukar untuk mengubah dunia, ubahlah diri kita sendiri untuk lebih menghargai sungai kerana ia berpotensi sebagai pusat pelancongan dan salah satu sumber ekonomi Negeri Melaka," katanya.

Sementara itu pensyarah JPH PMM Hanis Aliaa Ramley, berkata peluang untuk turut serta dalam program kemasyarakatan itu amat bernilai harganya.

"Alhamdulillah, peluang begini memberi manfaat bukan sahaja dari segi kepentingan menjaga sungai, malah menyuntik semangat cinta akan alam sekitar.

"Bila melihat sendiri sampah sarap menjadi pencemaran yang mencacatkan pemandangan Sungai Melaka, rasa tanggungjawab dan peranan untuk memelihara alam sekitar semakin tinggi," katanya.

Antara aktiviti diadakan seperti mengutip sampah daripada botol plastik, ranting kayu, plastik makanan dan pelbagai lagi.

Program tersebut turut mendapat kerjasama Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Negeri Melaka (PPSPM) serta Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia Negeri Melaka (MOTAC) melibatkan seramai sembilan pensyarah dan 19 pelajar PMM.

'Bot cinta' angkat Melaka lokasi romantik bulan madu



SULAIMAN dan isteri berpeluang merasai pengalaman di atas bot 'Everlasting Love' yang diperkenalkan Melaka River Cruise.

Fiqa Jamal

PENKALAN RAMA - Melaka River Cruise (MRC) memperkenalkan pakej bot 'Everlasting Love' buat pasangan yang mahu merayakan sambutan hari istimewa mereka secara romantik mengelilingi Sungai Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, menerusi pakej tersebut ia bakal menjadikan Melaka sebagai lokasi bulan madu romantik buat pasangan dari dalam dan luar negara.

"Satu produk yang istimewa iaitu Pakej Everlasting Love Boat yang pasti menjadi pilihan utama kepada pasangan romantik untuk menyambut hari-hari istimewa mereka seperti ulang tahun perkahwinan, sambutan hari jadi, persediaan melamar bakal isteri dan sebagainya.

"Orang ramai sudah boleh membuat tempahan bermula sekarang untuk pakej *Everlasting Love* ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Pakej *Everlasting Love* Melaka River Cruise anjuran Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) di Taman Rempah, 12 Dis. lalui.

Hadir sama Exco Pelancongan Datuk Muhammad Jailani Khamis, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ts. Kamel Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif PPS-PM Datuk Murad Husin dan lain-lain kenamaan.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, berpeluang menaiki bot itu bersama isteri Datin Seri Utama Datuk Wira Munira M Yusop seolah-olah mengimbau kembali nostalgia sewaktu awal perkahwinan mereka dahulu.

Menurut beliau pakej yang diperkenalkan itu disifatkan cukup unik dan mampu menyuntik suasana romantik buat mana-mana pasangan untuk merayakan sambutan ulang tahun dan sebagainya.

"Pakej yang ditawarkan sangat menarik, berbaloi dan pelancong perlu merasai sendiri bersama pasangan untuk menikmati makan malam dalam suasana romantik melihat keindahan malam Sungai Melaka.

"Saya rasa seronok dan saya menyarankan kepada mereka yang baru berkahwin, atau yang

Pakej yang ditawarkan sangat menarik, berbaloi dan pelancong perlu merasai sendiri bersama pasangan untuk menikmati makan malam dalam suasana romantik melihat keindahan malam Sungai Melaka.

ingin menyambut ulang tahun perkahwinan untuk memilih pakej ini kerana ia sangat privasi.

"Di dalam (bot) siap disediakan makanan, begitu juga dengan muzik yang dimainkan seiring dengan mood romantik, benar-benar mengimbau kenangan saya sewaktu awal perkahwinan lalu," katanya dalam sidang media selepas melancarkan Pakej *Everlasting Love* Melaka River Cruise, malam tadi.

Untuk rekod, terdapat tiga pakej bot *Everlasting Love* yang ditawarkan iaitu Pakej Emerald, Pakej Gold dan Pakej Diamond.

Untuk Pakej Emerald be-

rharga RM750, pasangan bakal dibawa menaiki bot selama satu jam 30 minit berserta pakej makan malam di atas bot dengan iringan muzik, bergambar dengan pasangan, bunga dan baucer diskaun Melaka River Cruise.

Pakej Gold berharga RM1,200 pula menawarkan perjalanan di atas bot selama dua jam berserta pakej makan malam di atas bot dengan persembahan oleh kumpulan pemuzik, bergambar dengan pasangan, jambangan bunga dan baucer diskaun Melaka River Cruise.

Manakala untuk Pakej Diamond yang merupakan pakej eksklusif menawarkan ruangan makan malam yang dihiasi dekorasi romantik, persembahan muzikal, bunga ros dan coklat, dan hadiah istimewa untuk perjalanan 2 jam 30 minit mengelilingi Sungai Melaka dengan harga RM2,000 sahaja.

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 20 DISEMBER - 23 DISEMBER 2021

Isnin 20/12/2021	Selasa 21/12/2021	Rabu 22/12/2021	Khamis 23/12/2021
Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 32°	Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 32°	Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 32°	Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 32°

www.melakaharini.my | Melaka Hari Ini | Melaka Tv | Sumber: Jabatan Meteorologi Melaka (MetMalaysia) | Infografik: Melaka Hari Ini

21 ADUN BN Melaka sertai bengkel

JOHOR BAHRU - Penganjuran 'Bengkel Intelektualiti dan Personaliti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)' memberi pendedahan terbaik kepada kepimpinan negeri, kata Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Beliau berkata, bengkel yang diadakan selama lima hari bermula 13-17 Dis itu turut memberi pendedahan mengenai dasar inisiatif utama kerajaan dalam pembangunan negara serta perundangan negeri.

"Saya yakin dan percaya, penganjuran bengkel ini adalah pendedahan ter-

baik kepada kepimpinan negeri khususnya ADUN-ADUN yang baharu dilantik berhubung peranan dan tanggungjawab mereka sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat," katanya.

Menerusi bengkel tersebut antara tajuk yang dikupas ialah seperti 'Dasar-Dasar Inisiatif Utama Kerajaan Dalam Proses Perancangan dan Pembangunan Negara' yang disampaikan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ts. Kamel Mohamad.

Selain itu, 'Pengenalan Kepada Per-

mokras Berparlimen dan Pembahagian Kuasa dan Tatacara Dewan Undangan Negeri Melaka' turut dibentangkan Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka Datuk Abd Aziz Engan pada sesi hari pertama.

Pada hari kedua pula telah diadakan pembentangan projek pembangunan di Melaka di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 yang dibentangkan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Datuk Salhah Salleh diikuti pembentangan 'Managing The Media' oleh Ketua Pegawai Eksekutif Melaka Hari Ini Sdn

Bhd Datuk Seri Abdul Jalil Hamid.

Bengkel itu diteruskan dengan 'Taklimat Kewangan dan Perolehan' disampaikan oleh Pegawai Kewangan Negeri Datuk Zaidi Johari dan sesi kendalian Pengarah Jendela Ilmu Solutions Rahimah Yeop, dengan topik 'Pembinaan Imej Profesional Formal dan Tidak Formal Serta Tatacara Protokol di Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan'.

Turut diadakan lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) sebagai simbolik komitmen tinggi kerajaan negeri untuk mewujudkan sebuah negeri bebas rasuah.



SULAIMAN dan isteri Datin Seri Utama Munira M Yusop tekun mendengar taklimat Pembinaan Imej Profesional Formal dan Tidak Formal Serta Tatacara Protokol di Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan yang disampaikan Pengarah Jendela Ilmu Solutions, Rahimah Yeop.



SETIAUSAHA Kerajaan Negeri Datuk Ts. Kamel Mohamad menyampaikan pembentangan Dasar-Dasar Inisiatif Utama Kerajaan Dalam Proses Perancangan dan Pembangunan Negara.



ADUN dan **EXCO** Melaka memberi komitmen penuh dalam Bengkel Intelektualiti dan Personaliti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melaka.



EXCO Kanan Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (depan kanan) dan **EXCO** Pelancongan Datuk Muhammad Jailani Khamis dalam lafaz ikrar bebas rasuah bersama.

>> Dari muka 6



SULAIMAN (kiri) dan Kamel (kanan) melakukan aktiviti yang disediakan sewaktu sesi 'ice breaking'.



SULAIMAN tersenyum mendengar pembentangan Bengkel Intelktualiti dan Personaliti Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melaka.



ADUN Serkam Datuk Zaidi Attan bertanyakan sesuatu ketika menghadiri Bengkel Intelktualiti dan Personaliti.



EXCO Kerja Raya Datuk Rahmad Mariman turut melafazkan ikrar bebas rasuah ketika menghadiri Bengkel Intelktualiti dan Personaliti.



EXCO Kesihatan dan Antidadah Dr Muhamad Akmal Saleh dan EXCO Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO), V P Shanmugam pada Mesyuarat EXCO, Baru-baru ini.



EXCO Wanita Datuk Kalsom Nordin (dua dari kanan) bersama ADUN Asahan Fairul Nizam Roslan (kiri) tekun mendengar perbincangan bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ts. Kamel Mohamad.



ABDUL Jalil (kiri) dan Madelina (dua dari kanan) memeterai MoU untuk memperkasa sektor pelancongan Melaka sambil disaksikan Akramuddin (dua dari kiri) dan Sa'ari (Kanan).

MHI, MTA meterai MoU perkasakan pelancongan

Faiz Hasan

BANDARAYA MELAKA - Melaka Hari Ini Sdn. Bhd. (MHI) antara empat agensi yang telah menjalinkan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Persatuan Pelancongan Melaka (MTA) bagi memacu sektor pelancongan negeri, 9 Dislalu.

Perjanjian itu telah disaksikan Timbalan Pengerusi Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) Datuk Akramuddin Abdul Aziz yang mewakili Exco Pelancongan Datuk Muhammad Jailani Khamis.

Hadir sama, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka Sa'ari Basiron.

MoU itu telah ditandatangani antara Ketua Pegawai Eksekutif MHI Datuk Seri Abdul Jalil Hamid dan Presiden MTA Madelina Kuah.

Di bawah MoU itu, MHI dan MTA akan bekerja

sama dalam bidang promosi pelancongan dan latihan. Selain itu, MHI juga akan menawarkan diskaun khas iklan digital kepada semua ahli-ahli MTA.

Sementara itu, Madelina yang ditemui selepas majlis itu menyifatkan MoU bersama wakil agensi media sebagai salah satu keunikan untuk mempromosikan pelancongan Melaka.

"Malam ini ada keunikan apabila kita menjalin MoU bersama MHI dan ini merupakan perkara yang dinantikan untuk mempromosikan Melaka dan kita juga berharap akan ada media lain yang akan bersama dalam merealisasikan hasrat ini," katanya yang turut melancarkan logo baharu MTA.

Selain MHI turut menandatangani MoU bersama MTA ialah Bayou Lagoon Park Resort, Melaka Taming Sari Sdn Bhd dan Ukhwah Harmoni Travel & Tour Sdn Bhd.

Kadar kitar semula seluruh negara meningkat

Liana Sahabudin

BATU BERENDAM - Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) merekodkan 31.52 peratus Kadar Kitar Semula Kebangsaan tahun ini berbanding 30.67 peratus pada tahun 2020.

Pengerusi SWCorp Datuk Rizalman Mokhtar berkata, peningkatan peratusan itu menunjukkan kesedaran terhadap alam sekitar dalam kalangan rakyat masih tinggi biarpun negara berdepan situasi penadematik COVID-19.

"Ada peningkatan dalam kadar tertentu biarpun COVID-19 melanda negara. Ini adalah Kadar Kitar Semula Kebangsaan, data ini dilihat dari segi kesedaran masyarakat yang meningkat tahun ini.

"Walaupun duduk di rumah masih tinggi penggunaan barang-barang recycle (kitar semula), waktu pandemik banyak kilang tutup, bila kilang tutup kita tiada data cuma bila kita tengok balik keseluruhan ada sedikit peningkatan melibatkan isi rumah.

"Ada formula dia, kita kira daripada kadar populasi dengan kadar jumlah kitar semula di kilang, pen-

gumpulan barang kitar semula buat di satu tempat cuma kita akan pergi ke kilang-kilang ambil data tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Menandatangani Note of Understanding (NoU) SWCorp Malaysia dan Tzu Chi Foundation Melaka di sini, 13 Dislalu.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp, Ismail Mokhtar; Ketua Pegawai Eksekutif Tzu Chi Melaka, Loh Siew Cheng dan Pengarah SWCorp Melaka, Khairuladha Mutalib.

Dalam pada itu Rizalman meminta supaya masyarakat terus memberi kerjasama dalam meningkatkan kesedaran terhadap budaya kitar semula.

"Sebenarnya kita boleh gunakan dari akta dan jugak peraturan dari segi membentuk penguatkuasaan tetapi belum lagi nak sampai ke peringkat tersebut.

"Kita lebih penting kepada memberi kesedaran dan kita yakin melalui program lebih agresif dan lebih tersusun insha-Allah kita akan dapat memberi siaran yang lebih luas kepada rakyat untuk membantu kita dari segi program kitar semula," katanya.



Penternakan tilapia air payau di Melaka akan diperluas

AHMAD Tarmidzi (dua dari kiri) meninjau projek penternakan ikan tilapia air payau bernilai lebih RM400,000 dalam 64 sangkar di perairan Kuala Linggi.

Din Ahmad

KUALA LINGGI - Jabatan Perikanan Melaka akan memperluas projek penternakan ikan tilapia air payau ke kawasan lain jika projek di perairan Kuala Linggi berjaya.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramli berkata, sebagai permulaan, projek penternakan ikan itu sudah dimulakan di Kuala Linggi tigabulan lalu dan ikan sudah dilepaskan ke dalam sangkar bermula 14 Dis.

Katanya, jabatan berkenaan memperuntukkan lebih RM400,000 bagi membina 64 sangkar ikan yang setiap satu berukuran 3x4 meter di perairan Kuala Linggi, iaitu lokasi pertembungan antara air masin laut dengan air tawar Sungai Rembau.

"Kami memilih 16 nelayan sungai di Pangkalan Paya Lebar, Telok Berembang, Ramuan Cina, Linggi dan Tebing Urut serta nelayan pinggir laut di Kuala Linggi untuk memastikan projek ini berjaya.

"Setiap peserta mempunyai tugas masing-masing memelihara ikan tilapia air payau antara tiga hingga empat bulan sebelum mencapai saiz paling sesuai untuk dipasarkan," katanya ketika meninjau projek berkenaan 15 Dislalu.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Perikanan Melaka, Mohd Fauzi Salehon dan Timbalannya, Nawar Abdul Karim serta nelayan

yang terbabit dalam projek berkenaan.

Ahmad Tarmidzi berkata, dengan kadar kemasinan air antara 10 hingga 15 di perairan itu berbanding 30 di laut, ikan tilapia merah sesuai hidup dalam air payau dan rasanya lebih lazat berbanding tilapia air tawar.

Menurutnya, sebanyak 70,000 anak ikan tilapia dilepaskan ke dalam 64 sangkar yang petak sangkarnya diperbuat daripada besi tahan karat manakala jaringnya diperbuat daripada nylon tahan rendaman dalam air payau.

"Projek seumpama ini sudah dilaksanakan di beberapa negeri lain seperti Kelantan dan Perak dan di Kuala Linggi adalah yang pertama seumpamanya di Melaka.

"Jika nelayan di sini mampu membuktikan kejayaan memelihara dan memasarkan ikan itu dengan baik, insya-Allah kami akan mencari perairan di kawasan lain yang sesuai untuk projek ini bagi membantu memajukan nelayan," katanya.

Beliau berkata, projek berkenaan sudah dirancang beberapa tahun lalu tetapi tidak mampu dilaksanakan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19.

Katanya, bagi memastikan projek perintis itu berjaya, pegawai jabatan berkenaan akan sentiasa memantau tugas peserta projek dan kesihatan ikan peliharaan.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

PEMANGKU PENGARANG
MOHD FAZLUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharini.my

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharini.my

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
llyann90@melakaharini.my

FIQA JAMAL
norafiqahjamat93@gmail.com
SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@
melakaharini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izaidanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khalidah@melakaharini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAIKAL
farishalkai.zakaria@
melakaharini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufaizzati98@melakaharini.my



Pangsapuri
Krubong Utama

MyHome
Subsidi
30K



RM 180,000

*Rumah Mampu Milik /
MyHome*

Pangsapuri
5 Tingkat dengan Lif

3

bilik tidur
卧房

2

bilik air
浴室

012 - 631 7892
010 - 241 1874
06 - 282 2535

Pemaju:



SINMAH DEVELOPMENT SDN. BHD.
(a subsidiary of Sinmah Capital Berhad formerly known as Farm's Best Berhad) (197223-T)

211, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka. Fax : 06-282 2518

www.sinmahdevelopment.com.my

enquiry@sinmah.com.my



• No Lesen Pemaju: 14708-1/05-2020/01926(L) • Tempoh Sah: 03.05.2019-02.05.2020 • No Jualan & Permit Iklan: 14708-1/05-2020/01926(P) • Tempoh Sah: 03.05.2019-02.05.2020 • Pihak Berkuasa Meluluskan Pelan Bangunan: MBMB • No Ruj: MBMB/JKB03015/04/2016(10) • Bebanan Tanah: Tiada • Pegangan Tanah: Pajakan 99 tahun (28.12.2105) • Jumlah Unit / Harga Jualan: Rumah Pangsapuri 5 Tingkat: (120 unit) Min/Mak RM180,000
Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak dibenarkan dipindahmilik atau dipajak dengan apa cara sekalipun kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini dikecualikan bagi pindahmilik atau pajakan pertama.

IKLAN INI DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Taboh Naning: Naik taraf fasiliti kesihatan, perniagaan



ZULKIFLEE menyantuni peniaga di Taboh Naning.

Faiz Hasan

TABOH NANING - Pembesaran Klinik Kesihatan Simpang Ampat jadi fokus utama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning, Zulkiflee Mohd Zin.

Beliau berkata, pembangunan prasarana itu penting dalam memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dapat diberikan ke-

BIODATA ADUN TABOH NANING

Nama: Zulkiflee Bin Datuk Seri Hj Mohd Zin

Umur: 53 tahun

Tarikh lahir: 3 Jun 1968

Status: Berkahwin, dua anak

Politik:

- AJK UMNO Bahagian Masjid Tanah
- Ketua UMNO Cawangan Melekek Luar

Kerjaya:

- Usahawan

“pembangunan itu perlu selari dengan arus semasa memandangkan Taboh Naning yang merupakan kawasan pintu masuk pertama ke negeri ini.”

pada penduduk di kawasan itu.

Jelasnya, sebelum ini klinik berkenaan berdepan masalah perkhidmatan yang terhad dengan keadaan jumlah pesakit yang kian bertambah saban tahun.

"Kita akan memfokuskan dengan pembinaan sebuah blok baharu dalam kawasan Klinik Kesihatan Simpang Ampat agar perkhidmatan yang lancar dapat diberikan penduduk setempat.

"Kita mencadangkan sebuah blok akan dibina di klinik seluas kira-kira tiga ekar itu agar penduduk dapat memanfaatkan pembangunan prasarana dan perkhidmatan yang kondusif ditawarkan kerajaan.

"Saya akan mengusulkan perkara ini dan berbincang kepada Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dalam masaterdekat ini bagi memastikan perkara ini dapat diselesaikan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, ujarinya, pembangunan dalam pelbagai sektor terutama perniagaan, pelancongan dan kebajikan akan turut diperkasa

dalam kawasan DUN Taboh Naning.

Menurutnya, pembangunan itu perlu selari dengan arus semasa memandangkan Taboh Naning yang merupakan kawasan pintu masuk pertama ke negeri ini.

"Kita komited memperkaskan bidang perniagaan di kawasan ini dengan menyediakan satu lokasi perniagaan kecil yang berpusat agar menjadi tarikan di Taboh Naning.

"Perkara ini bagi memastikan setiap produk penduduk kampung seperti rotan, dodol serta pelbagai makanan tradisi lain yang menjadi imej di kawasan ini dapat diketengahkan.

"Setakat ini kita telah mengenalpasti tiga lokasi perniagaan berpusat dalam kawasan ini yang sebelum ini juga menjadi lokasi tumpuan pengunjung dan jika kita bangunkan ia bukan sahaja membawa keuntungan malah akan menjamin keselamatan peniaga dan pembeli yang datang ke kawasan itu," katanya.

JPKK jangan banyak ragam di Duyong

Siti Salehah

DUYONG - "Jawatan adalah tanggungjawab dan bukannya anugerah dan JPKK jangan bersifat eksklusif," itu tegas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Mohd Noor Helmy Abdul Halem.

Beliau berkata demikian merujuk kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang bakal diantik untuk memudahkan urusan masyarakat di kawasan itu.

Menurut Noor Helmy, impian dan fokusnya adalah untuk menyelesaikan apa jua urusan khususnya membabitkan kebajikan masyarakat diselesaikan dalam tempoh 24 jam.

Katanya, transformasi yang dilakukan di peringkat JAPERUN harus diteruskan di peringkat JPKK tanpa perlu ada pelbagai 'ragam' dalam berkhidmat untuk penduduk setempat.

"Kita menawarkan diri untuk berkhidmat jadi jangan nak bermacam ragam dan kalau rasa terbeban serta susah, serahkan jawatan kepada mereka yang ada kelebihan untuk berkhidmat.

BIODATA ADUN DUYONG

Nama: Mohd Noor Helmy Bin Abdul Halem

Umur: 40

Tarikh lahir: 8 Jan 1981

Pendidikan:

- Ijazah Kejuruteraan Awam UiTM
- Sarjana Pengurusan Asia e University

Politik:

- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kota Melaka

Kerjaya:

- Pengarah Luibina (M) Sdn Bhd

"Jangan hendak mengungkit penat atau pelbagai keluhan kerana jawatan itu kita masing-masing sanggup hendak terima," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini. Sementara itu, beliau turut



ADUN Duyong Mohd Noor Helmy Abdul Halem, akan kerap turun padang bagi menyelesaikan masalah rakyat.

memberi amaran kepada mereka diberi amanah agar tidak bertindak di luar batas dengan mengenakan bayaran bagi pengesahan sebarang borang.

"Apabila hendak cop borang pengesahan untuk rakyat jangan jadi seperti Pesuruhjaya Sumpah, kenakan bayaran. Pengerusi JPKK di Duyong jangan ada yang gatal

tangan kenakan bayaran.

"Sekiranya tidak tertangkap tidak mengapat tetapi sebaliknya berserta bukti, panjang kisahnya nanti," katanya.



MIMBAR MAIM

“Be na r-ben a sng a t be run tung o ra ng-o ra ng ya ng me mbe rsi hka n di i de ng an be ri ma n dan se ntia sa be rzi kir me nyeb ut na ma Tu ha nya se rta me nge rja ka n se mb a hya ng.” (Sura h Al-A’la , a ya t 14-15)

“De mi se sung gu hnya ! Ka mi a ka n me ngu ji ka mu de ng an se di kit ke ta ku ta n, ke la pa ra n, dan ke ku ra ng an da ri ha rta be nda se rta ji wa dan ha sil ta- na ma n. Da n be ri lah kha ba r ge mbi ra ke pa da o ra ng ya ng sa ba r.” (Sura h Al-Ba qa ra h, a ya t 155)

Anak asnaf sertai kursus SPM

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Seksyen Pembangunan Insan MAIM telah menganjurkan program Kursus Ulangkaji Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diadakan di sebuah hotel di negeri ini.

Kursus berkenaan merupakan kesinambungan program yang telah diadakan awal tahun ini dan telah diteruskan bagi memberi peluang kepada anak-anak asnaf MAIM mendapat teknik ulangkaji yang lebih baik.

Seramai 45 peserta hadir dan mereka merupakan sebahagian anak-anak asnaf MAIM yang akan menghadapi peperiksaan SPM pada

tahun hadapan.

Kursus itu juga menerapkan konsep jatidiri kepada mereka bagi memastikan mereka mempunyai persediaan fizikal dan mental dalam menghadapi peperiksaan walaupun dalam tempoh sukar pandemik Covid-19 ini.

Tenaga pengajar kursus turut melibatkan penceramah daripada guru terlatih yang juga berpengalaman dalam membuat soalan peperiksaan SPM dan mampu memberi informasi tambahan kepada pelajar berkaitan teknik menjawab soalan yang lebih tepat.

Pendedahan kaedah terbaik menjawab soalan peperiksaan merupakan kunci utama kursus ini diadakan bagi memberi peluang

peserta memperbaiki teknik menjawab yang lebih berkesan.

Kursus ini juga telah diserikan dengan kehadiran Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bersama ketua Seksyen Pembangunan Insan, Arina Saffura Alim.

Dalam kursus ini juga penceramah mampu menilai tahap keberkesanan dan kebolehan pelajar SPM menjawab soalan mahupun latihan dalam tempoh yang telah ditetapkan sebagaimana suasana dalam peperiksaan SPM sebenar.

Pelajar yang juga anak-anak asnaf MAIM ini turut diberi panduan dan tunjuk ajar berkaitan kawalan sahsiah diri khususnya membentuk peribadi yang mulia serta menjadi pelajar terbaik dalam

bidang akademik dan agama.

MAIM turut menekankan ruang slot kerohanian bagi memupuk semangat jiwa murni dalam diri mereka serta membentuk per-

saingan yang lebih sihat dalam pelajaran dan menjadikan pendidikan sebagai asas utama mereka membantu kehidupan keluarga mereka di masa akan datang.



IKRAM menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang peserta kursus.



IKRAM dan Arina bergambar bersama anak-anak asnaf MAIM.



SEBAHAGIAN peserta kursus memberi tumpuan kepada penerangan soalan yang diberi.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | majlis agama islam melaka Facebook | facebook/maimmelaka



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



MUFTI Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil hadir merasmikan program Diskusi Fatwa yang telah diadakan baru-baru ini anjuran Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMNM) bersama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Beliau turut menyampaikan watakah tauliah agama dan al-Quran kepada 80 orang individu yang telah mendapat kebenaran untuk mengajar agama di sekitar negeri ini.



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menyampaikan amanat kepada sebahagian pegawai dan kakitangan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang hadir pada Majlis Apresiasi Dan Bicara Integriti MAIM baru-baru ini. Beliau turut memberi penekanan kepada percambahan kemahiran bagi setiap kakitangan untuk terus menguasai dunia digital yang kini semakin mendapat perhatian dan tumpuan dalam etika perkhidmatan awam. Turut hadir dan menyampaikan anugerah inovasi kakitangan di majlis itu, Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud.

Sikit mencukupi, banyak dikongsi

Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka.



terus kepada amil pemerintah.

Hal ini kerana perintah mengeluarkan zakat kepada amil pemerintah ini adalah perintah Allah SWT kepada orang-orang yang beriman bagi tujuan menguji keimanan dan ketakwaan mereka terhadap Allah SWT. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Surah at-Taubah; ayat 103 yang bermaksud: "Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Oleh yang demikian, harta yang tidak dikeluarkan zakat tidak akan mendapat keberkatan rezeki daripada Allah SWT. Harta yang berkat umpama sedikitnya mencukupi

SETIAP umat Islam yang beriman dan bertaqwa haruslah mentaati Rukun Islam yang telah ditetapkan oleh syariat Islam khususnya Rukun Islam yang ketiga iaitu menunaikan ibadah zakat. Rasulullah SAW telah memerintahkan agar umat Islam yang telah mencukupi syarat-syarat wajib zakat, segera menunaikan tanggungjawab berzakat

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian : Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat - (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

dan banyaknya boleh diagih-agihkan. Selain daripada itu, hartaitu juga diibaratkan seperti air laut yang diminum, ianya tidak akan dapat menghilangkan dahaga dan apabila diminum banyak, ianya boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan tubuh badan.

Oleh itu, setiap umat Islam di dunia ini akan diuji oleh Allah SWT dalam pelbagai bentuk ujian, antaranya pemilikan harta. Perseorangan sering berlaku dari mana, bagaimana harta diperolehi dan ke mana harta tersebut diagihkan serta digunakan. Ini kerana, manusia akan terlalu lalai dengan harta benda dan anak pinak sehingga terleka dengan perintah Allah SWT dalam mengejar kebaikan saham di akhirat. Ini bertepatan dengan Surah al-Munafiqun ayat 9 yang bermaksud: "Hai orang-orang beriman, janganlah hartamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingat Allah SWT. Barangsiapa

yang berbuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi".

Justeru itu, setiap umat Islam perlulah memainkan peranan penting bagi menunaikan kewajipan berzakat sepertimana yang telah terkandung dalam Al-Quran dan Hadis Nabi SAW tentang kewajipan menunaikan zakat. Semoga apa jenis zakat yang ditunaikan dapat memberi manfaat kepada ramai asnaf yang memerlukan. Semoga segala bentuk harta dan pendapatan yang dikeluarkan oleh pemberi zakat akan memperolehi keberkatan dan digandakan oleh Allah SWT. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.



Zakat Melaka mengadakan aktiviti ops sedar dan penerangan info zakat di premis-premis sekitar Bandar Melaka, Jasin & Masjid Tanah tentang informasi Zakat Perniagaan & Pendapatan:

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pasar Mini Pekan Rumbia ✓ NKR Convenient Mart ✓ Pasar Mini Alor Gajah ✓ Zurich Takaful, Masjid Tanah ✓ Pertubuhan Peladang Kawasan Merlimau ✓ Jabatan Pengairan & Saliran Melaka ✓ Wisma Persekutuan Melaka ✓ Lesong Mart Bemban Utama ✓ Speedmart Bemban Height ✓ Mydin Hypermarket Jasin | <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pasar Mini A & K Utama ✓ Bidara Maju Jaya Enterprise ✓ Hospital Putra ✓ Wisma Negeri ✓ PTPTN Masjid Tanah ✓ Greeniuro Solutions Sdn Bhd ✓ SA Agrotech Enterprise ✓ Koperasi Uitm Lendu, Alor Gajah ✓ Syarikat SMX Global Resources, Taman Permai Rembia, Alor Gajah. |
|---|--|

Tidak lupa juga Kuliaah Dhuha dan penerangan info zakat khususnya berkaitan Zakat Emas telah diadakan di beberapa buah masjid; antaranya:

- ✓ Masjid Jamek Ar Rahman, Pulau
- ✓ Masjid Al Muthadim Kg Bukit Kecil Paya Dalam Ayer Molek
- ✓ Masjid Sultan Abdullah, Masjid Tanah



Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com



Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



PROGRAM cerahan Saham Wakaf Tunai telah diadakan di Masjid Al-Rasidin daerah Alor Gajah baru-baru ini telah disampaikan oleh pegawai promosi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Saham wakaf tunai ini merupakan usaha MAIM dalam memastikan dana berkenaan akan disalurkan kepada wakaf pendidikan, perubatan dan pembangunan masjid serta surau di negeri ini.

PROSES pengalihan 19 unit kubur lama yang berusia lebih 100 tahun telah dilaksanakan di sebuah tanah milik individu dalam kariah Tehel bagi memberi ruang pembangunan di atas tanah berkenaan. Pelaksanaan itu telah dipantau ketat oleh Seksyen Mal Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM).



KETUA Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Saffura Alim bersama Skwad Badan Sukarelawan Al-taqwa (BSAT) MAIM turun padang menyantuni asnaf MAIM, Jamakyah Ibrahim di Kampung Kandang. Jamakyah Ibrahim, 56 merupakan seorang ibu kepada 5 cahaya mata adalah penerima bantuan bulanan MAIM di bawah asnaf Miskin sejak tahun 2010.

SAHAM WAKAF

PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA

KAEDAH 01

MELALUI PERBANKAN INTERNET KE AKAUN "SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA" 04015010078877 (BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)

KAEDAH 02

MELALUI POTONGAN GAJI, MUAT TURUN BORANG POTONGAN GAJI DI PORTAL IWAKAF MAIM (<https://iwakaf.maim.gov.my>)

KAEDAH 03

MELALUI "STANDING INSTRUCTION (SI)" MENGGUNAKAN PERBANKAN INTERNET

3 KAEDAH BERWAKAF

Jom Berwakaf

#SatuAmalMenciptaSejutaManfaat

BANK ISLAM 04015010078877 (BIMB)
(Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka)

Ucapan Taat Setia Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021 (Bah. 2)

HADIRIN hadirat yang saya hormati;

Berikutan keadaan ketidakpastian ekonomi dunia dan situasi pandemik COVID-19 yang masih belum reda, prestasi kdnk melaka pada tahun 2020 telah mencatatkan nilai penyusutan pada kadar negatif 5.9 peratus, berbanding tahun 2019 pada kadar 2.9 peratus.

Sektor perkhidmatan dan pembuatan mendominasi struktur ekonomi Melaka masing-masing telah menyumbang sebanyak 48.6 peratus dan 37.3 peratus. Sektor pertanian pula menyumbang sebanyak 11.2 peratus, manakala sektor pembinaan menyumbang 2.4 peratus, diikuti oleh sektor perlombongan dan pengkuarian yang hanya memberikan sumbangan kecil iaitu 0.1 peratus kepada ekonomi Negeri Melaka.

Dengan segala ketidakpastian dan pelbagai cabaran melanda sejak tahun 2020, pelbagai sektor ekonomi mengalami penyusutan, tetapi Alhamdulillah, sektor pertanian mencatatkan peningkatan positif sebanyak 3.7 peratus iaitu daripada RM4.433 bilion kepada RM4.598 bilion.

Kadar pengangguran Negeri Melaka pada tahun 2020 mencatat kedudukan kedua terendah selepas Putrajaya, iaitu 2.2 peratus berbanding peringkat nasional pada kadar 4.5 peratus. Walaupun kadar pengangguran Negeri Melaka mencatat angka yang selesa, Kerajaan Negeri sentiasa melaksanakan inisiatif untuk membantu rakyat mencari pekerjaan khususnya kepada golongan muda melalui penganjuran program bersama dengan PERKESO iaitu Karnival Penjana Kerjaya Melaka Careertrans.

Tahun 2021 mula menampilkan sinar di mana Negeri Melaka menerima jumlah pelaburan yang lebih tinggi berbanding dua tahun sebelumnya.

Dalam tempoh mulai Januari hingga Jun 2021, nilai pelaburan yang dicatat adalah sebanyak RM4.26 bilion. Nilai ini adalah lebih tinggi berbanding tahun 2019 dan 2020 iaitu masing-masing hanya sebanyak RM0.9 bilion dan RM1.9 bilion.

Usaha membantu rakyat meneruskan kehidupan perlu diteruskan. Kerajaan Negeri tidak akan berdiam diri tetapi terus merancang, menggubal dan melaksana pelbagai inisiatif untuk memperkasakan tadbir urus kerajaan dengan pelbagai program yang bakal dirancang.

Pentadbiran baharu Kerajaan Negeri juga akan memantapkan kedudukan kewangan dan merencanakan pembangunan supaya kita tidak ketinggalan, selaras dengan aku janji di bawah teras: Lonjakan Ekonomi Baharu.

Para hadirin sekalian,

Kerajaan Negeri begitu komited untuk memastikan rakyat di Negeri Melaka mendapat infrastruktur asas yang baik. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, Rolling Plan Pertama Tahun 2021, Negeri Melaka telah menerima peruntukan sebanyak RM369 juta untuk pelaksanaan sebanyak 169 projek dan program yang telah dirancang sepanjang tahun 2021.

Di dalam Bajet Nasional 2022, sebanyak 171 projek pembangunan dengan kos keseluruhan bernilai RM5.534 bilion telah diluluskan untuk dilaksanakan di Negeri Melaka di



SULAIMAN dan isteri Datin Seri Utama Munira M Yusop hadir ke Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021 di Balai Istiadat Seri Negeri, 4 dan 5 Dis lalu.

mana melibatkan RM574 juta untuk dibelanjakan pada tahun 2022. Sebagai tambahan, sebanyak RM20 juta juga telah diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai projek berkenaan jaminan makanan, pelancongan serta pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar termasuk menangani isu banjir.

Seterusnya, pentadbiran Kerajaan Negeri yang baharu akan merancang dan menyusun semula program dan projek sedia ada yang lebih sesuai, dinamik dan pragmatik untuk setiap kumpulan sasar melalui inisiatif Bajet 2022 Negeri Melaka dan juga projek-projek secara penswastan khususnya yang dirancang di dalam Zon Pembangunan Ekonomi Persisiran Pantai Melaka atau M-WEZ. Selain itu, permohonan program dan projek juga akan dipanjangkan kepada Kerajaan Persekutuan melalui permohonan Rolling Plan Ketiga RMKe-12 bagi pelaksanaan tahun 2023.

Hadirin hadirat yang saya hormati;

Perpaduan merupakan salah satu asas kepada kesejahteraan dan kemakmuran sesebuah negara. Idea "Keluarga Malaysia" diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri bukanlah satu retorik atau slogan semata-mata, tetapi merupakan semangat yang diterapkan dalam pentadbiran negara, kepentingan dan kesejahteraan rakyat dipelihara seperti menjaga sebuah keluarga. Konsep "Keluarga Malaysia" bersifat inklusif merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum serta mengajak semua rakyat untuk bersama-sama sebagai sebuah keluarga yang utuh.

Para hadirin sekalian,

Keunikan Melaka, dengan kepelbagaian bangsa dan kaum, daripada anak kecil hinggalah warga emas, daripada yang sihat tubuh badan dan Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), bekerja makan gaji atau bekerja sendiri, lelaki dan wanita penggerak pembangunan negeri, belia pewaris bangsa yang

disantuni, rakyat Melaka, pelabur atau penjunjung dan pelancong ke negeri ini, kesemuanya telah dikenal pasti dalam perancangan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri.

Janji Kerajaan Negeri, perancangan pembangunan untuk lima tahun akan datang adalah bersifat inklusif di mana tiada satu golongan pun yang akan tertinggal daripada menikmati manfaat perancangan tersebut. Sebahagiannya akan diumumkan dalam pembentangan Bajet 2022 Negeri Melaka dalam masa terdekat. Insya-Allah.

Hadirin hadirat yang saya hormati;

Sedar tak sedar kita sudah berada di suku terakhir tahun 2021. Satu tahun yang sungguh mencabar tidak kira siapa kita dan di mana kita berada. Tahun kedua kita diuji dengan pandemik COVID-19, tekanan ekonomi dan ketidakpastian politik. Ujian ujian tersebut mendasar ke bawah hingga akar umbi dan meninggalkan kesan kepada sosio-ekonomi masyarakat.

Luahan hati rakyat yang telah disuarakan ke atas beberapa perkara tidak boleh dianggap remeh tanpa diberikan perhatian sewajarnya. Isu bekalan air, banjir, pembangunan dan ekonomi antara isu yang sering menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat Negeri Melaka.

Oleh itu, pelbagai usaha proaktif oleh Kerajaan Negeri sama ada yang sedang dan akan dirancang perlu dilaksanakan segera bagi mengatasi masalah ini melalui pendekatan jangka pendek mahupun jangka panjang. Kerajaan tidak akan bertindak secara reaktif tetapi perlu proaktif dan inovatif untuk menyelesaikan isu rakyat.

Dalam menangani isu banjir contohnya, Kerajaan Negeri berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas kelulusan 8 projek bernilai RM931.2 juta sebagai langkah penyelesaian jangka masa panjang kepada isu banjir di Negeri Melaka. Salah satunya adalah projek menaik taraf kolam tebatan banjir

Krubong-Durian Tunggal sebagai kolam dwifungsi untuk tebatan banjir dan sumber air. Projek ini merupakan yang pertama seumpamanya dilaksanakan di Malaysia. Selain itu, sebanyak 27 projek jangka pendek bernilai RM17.6 juta akan dilaksanakan pada tahun 2022 menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Mandat yang telah diberikan oleh rakyat Melaka kepada Kerajaan Negeri yang baharu, akan digalas sebagai satu amanah yang perlu dilunaskan dengan penuh tanggungjawab dan berintegriti. Kepsatan ekonomi dan pembangunan fizikal tidak memberi makna sekiranya tidak diiringi dengan pembangunan insaniah. Kita boleh menyediakan infrastruktur yang hebat dan moden, namun cabaran sebenarnya adalah mewujudkan masyarakat yang maju dari aspek pemikiran, kerohanian dan akhlak terpuji. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab barisan Kerajaan Negeri sedia ada untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat untuk memastikan Negeri Melaka terus makmur dan sejahtera seperti yang disebut di dalam al-Quran "baladun thayyibatun wa rabbun ghafur."

Saya yakin dan optimis, dengan usaha yang berterusan dan bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan untuk meraih prestasi cemerlang ini, Negeri Melaka mampu muncul menjadi sebuah negeri yang hebat lagi terbilang. Mudah-mudahan Allah SWT akan membuka pintu rezeki seluas-luasnya, lalu mengurniakan kepada kita dan penduduk Negeri Melaka dengan keberkatan.

Sekali lagi, saya dan semua pemimpin serta rakyat Negeri Melaka memberi ikrar dan taat setia kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, atas kepimpinan dalam memayungi Negeri Melaka ini.

Kehadapan Yang Dikasih; Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka,

**DI PANTAI SANA TUMBUH BEREMBANG,
TUMPUAN JELATA MENGAIL BAUNG,
TUN LAKSANA PAYUNG BERKEMBANG,
TEMPAT KAMI HIMPUN BERNAUNG**

Sungguhnyakehadiran Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan bukan sahaja menambah seri Majlis Istiadat ini, malah melambangkan betapa besar dan bersemaraknya kasih sayang seorang Yang di-Pertua Negeri terhadap rakyat dan Negeri Melaka. Terima kasih Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan.

Demikianlah kalam ucapan saya pada istiadat kali ini. Saya dan seluruh rakyat serta penduduk Melaka mendoakan agar Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah Binti Abdul Rahman serta seisi keluarga sentiasa dilimpahi rahmat, mendapat maghfirah, sihat sejahtera, dipanjangkan usia dan dimurahkan rezeki.

Sekian, Terima kasih. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: MATEMATIK

WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK & MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: MATEMATIK

SUDUT REVISI BAB TINGKATAN 4

SUKATAN DAN GEOMETRI
MEASUREMENT AND GEOMETRY

- Teorem Pythagoras / *Pythagoras Theorem* = $c^2 = a^2 + b^2$
- Hasil tambah sudut pedalaman poligon / *Sum of interior angles of a polygon* = $(n - 2) \times 180^\circ$
- Lilitan bulatan = $\pi d = 2\pi r$
Circumference of circle = $\pi d = 2\pi r$
- Luas bulatan = πr^2
Area of circle = πr^2
- Panjang lengkok = $\frac{\theta}{360^\circ} \times 2\pi r$
Arc length = $\frac{\theta}{360^\circ} \times 2\pi r$
- Luas sektor = $\frac{\theta}{360^\circ} \times \pi r^2$
Area of sector = $\frac{\theta}{360^\circ} \times \pi r^2$

CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1) - MATEMATIK KERTAS 1

1. Diberi $\xi = \{x : x \text{ ialah integer, } 1 \leq x \leq 15\}$, set $M = \{x : x \text{ ialah nombor genap}\}$ dan set $N = \{x : x \text{ ialah gandaan } 4\}$. Yang manakah menunjukkan gambar rajah Venn yang mewakili semua set yang diberikan?


Give $\xi = \{x : x \text{ is an integer, } 1 \leq x \leq 15\}$, set

$M = \{x : x \text{ is an even number}\}$ and set

$N = \{x : x \text{ is a multiple of } 4\}$, which Venn diagram represent all the given sets?

- A.
- B.
- C.
- D.

2. Gambar rajah Venn di ruang jawapan menunjukkan set A dan set B dengan keadaan set semesta, $A \cup B \subset \xi$.
The Venn diagram in the answer space shows sets A and B such that the universal set, $A \cup B \subset \xi$.



Diberi $n(B) = n(A \cap B)'$. Tentukan nilai p.
Given $n(B) = n(A \cap B)'$. Determine the value of p.

- A. 1 B. 2 C. 3 D. 4

JAWAPAN:

1. Untuk menentukan gambar rajah Venn yang mewakili semua set yang diberikan, pelajar perlu terlebih dahulu menyenaraikan setiap unsur dalam set ξ, M, N dan mengira bilangan unsur, n bagi setiap set.

$$\xi = \{x : x \text{ ialah integer, } 1 \leq x \leq 15\},$$

$$= \{1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15\},$$

dan bilangan unsur bagi set semesta, ξ adalah $n(\xi) = 15$.

Bagi menyenaraikan set M dan N, pelajar perlu mengikut syarat yang ditetapkan dan mendapatkan jawapan unsur dari set ξ .

$$M = \{x : x \text{ ialah nombor genap}\}$$

$$\xi = \{1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15\}$$

Maka, $M = \{2, 4, 6, 8, 10, 12, 14\}$ dan bilangan bagi set M adalah $n(M) = 7$.


$$N = \{x : x \text{ ialah gandaan } 4\}$$

$$\xi = \{1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15\}$$


Maka, $N = \{4, 8, 12\}$ dan bilangan bagi set N adalah $n(N) = 3$.

Di dapati, setiap unsur di dalam set N terdapat di dalam set M, maka set N ialah subset kepada set M

$N \subset M$. Oleh itu, lakaran gambar rajah Venn adalah seperti berikut,



dan bilangan unsur bagi set M dan N ditulis sebagai




Memandangkan sebagai unsur bagi set M terdapat di dalam set N. Bilangan baki unsur dalam set semesta ditulis seperti berikut




Maka, jawapan yang perlu dipilih adalah D.


2. Bagi menentukan nilai p, pelajar perlu menggunakan persamaan $n(B) = n(A \cap B)'$ dan mendapatkan maklumat dari gambar rajah Venn yang telah disediakan,



Kawasan $n(B)$ adalah



Maka, $n(B) = 8 + 2p + 4$. Manakala, kawasan $n(A \cap B)'$ adalah



Oleh itu, $n(A \cap B)' = 3p + 2p + 4 + 5$ dan maklumat ini dimasukkan semula ke dalam persamaan untuk memperoleh nilai p seperti berikut.

$$n(B) = n(A \cap B)'$$

$$8 + 2p + 4 = 3p + 2p + 4 + 5$$

$$12 + 2p = 5p + 9$$

$$3 = 3p$$

$$p = 1$$

Jawapan yang perlu dipilih adalah A.



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

IN October of 1894, the Baba Peranakan *Bintang Timor* published a series of 11 articles titled "Mengapa Melayu Layu" (Why are the Malays Withering Away?) Written in the spirit of friendly criticism, "for the good of the Malays," the articles offered a scathing analysis of the alleged reasons for Malay economic and educational backwardness. The article described these as "their slavish adherence to outmoded custom, the dissoluteness of their traditional leaders, their lack of industry and ambition, their hostility toward anyone who showed exceptional talents, and their inability to practice mutual self-help."

The articles were critically received by *Bintang Timor's* contemporary and rival, the *Jawi Peranakan*, which found little to say in reply. According to historian of colonial Malay society and journalism, William R. Roff (1967), the whole affair degenerated on both sides "to a rather unedifying exchange of sneers and taunts before finally fizzling out."

Bintang Timor was the natural development of earlier newspapers in Bahasa Melayu by the Baba Peranakan in Singapore and the Javanese Chinese or Melayu Betawi or the Melayu Tionghua newspapers seen in Java some years earlier. One was *The Straits-Chinese Herald* (Bentara Cina

Bintang Timor: The Baba Peranakan Newspaper

Negeri Selat) which appeared as a daily peranakan newspaper. It used both Bahasa Melayu and English.

In 1894, *The Straits Chinese Herald* disappeared from the journalistic scene in Singapore. This did not dampen the spirit of the Baba Peranakan, as historian Ahmat Adam (1992) described in producing a newspaper representing the community. On 2 July of 1894, the four-paged daily *Bintang Timor* appeared. Apart from news and commentary, it mainly comprises a variety of advertisements, a common feature for Bahasa Melayu newspapers in Java. *Bintang Timor* was printed by Sin Yew Hean printers at 114 Amoy Street.

Ahmat Adam in his *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, described *Bintang*

The short story series, essays and the syair were published.

Ahmat Adam identifies a number of contributors of essays and the syair. These included Baba Peranakan writers, and those who were possibly Malays. They used pseudonyms such as "Senex," "Mastari," "Fathol," "Si Tangan Gatal", "Kalam Langit," "Chendor Mato" and "Murad." The writer behind "Kalam Langit" was Na Tian Pet, from Bengkulu, Sumatra, who frequently contributed not only the syair, but also the pantun to *Bintang Timor*, as well as to other newspapers such as *Pembrita-Betawi*. Datuk Bentara Luar Johor, a student of Abdullah Munshi, had also contributed to *Bintang Timor*. Readers of the newspaper was the Baba Peranakan community in the Straits Settlements and in Sumatera.

Pinang. Activities of Malay-Muslim associations going by such names as Harbab Asykedan Club and Darul Ta'allum Association in Singapura and Persatuan Jamsyed and Moslem Recreation Club in Tanjong were given deemed newsworthy.

The daily was sensitive on the significance of Bahasa Melayu. The Chinese Peranakan community, for instance, was urged to give attention to the learning of Bahasa Melayu. This was expressed in the daily's issue of 6 April, 1895. The thinking behind this was because "...apabila orang Melayu berbahasa Melayu yang halus, kita jangan tinggal bingung..." (...when the Malays speak refined Malay, we cannot afford to be dumfounded...). The community was concerned on comprehending and responding to refined speech in Bahasa Melayu.

“ It carried writings from the Baba Peranakan intellectuals not only from the Straits Settlements, but also from Palembang and other areas in Sumatera. The short story series, essays and the syair were published. ”

Timor as following the tradition of European newspapers. The daily was led by Baba Song Ong Siang, assisted by Baba Tan Boon Chin. It used the Roman script, unlike the *Jawi Peranakan* owned newspapers which used *Jawi*. It carried writings from the Baba Peranakan intellectuals not only from the Straits Settlements, but also from Palembang and other areas in Sumatera.

It was reckoned that the newspaper was relatively not popular amongst the Malays and the *Jawi Peranakan*s. This was mainly because the script used was Rumi. Nevertheless, the newspaper had a Malay audience. Although published for the Baba Peranakan community, *Bintang Timor* also covered events and activities in the Malay community, both in Singapore and in Pulau


Morover, the *Bintang Timor* stated that "bahasa Melayu ini ferluh [indah] skali.." (bahasa Melayu is a beautiful language), hence "kita yang tinggal di Tanah Melayu in musti mengerti dengan sebenar-benarnya" (we who are residents in Tanah Melayu must really understand the language). Apart from the syair, the Baba Peranakan community also read the hikayat in Bahasa Melayu.

Bintang Timor, which appeared in 1894, also carried stories from other Bahasa Melayu newspapers in Java and Sumatera such as *Bintang Betawi*, *Pembrita Bahroe*, *Bintang Soerabaia* and *Pertja Barat*. Ahmat Adam found that stiff competition between the daily and *Jawi Peranakan* was of much concern toward the end of the year. It affected *Bintang Timor* so much so that in March of 1895, the daily's editor announced that the newspaper would be printed three times a week on Tuesday, Thursday and Saturday. A month later, with its worsening financial situation, the newspaper's frequency was reduced to twice a week.


It was recorded that finally, the newspaper appeared for the last time on 2 July 1895. This spelt then end of direct Baba Peranakan involvement in the publishing of Bahasa Melayu newspapers and journalism in Malaysian history.

NEXT WEEK:
Sulaiman Ahmad

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



GAMBAR 14 Akhbar *Bintang Timor* di Singapura. Akhbar yang dikendalikan oleh orang Cina Peranakan ini mulai terbit pada 2 Julai 1894.



AHMAT Adam in his *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*, described *Bintang Timor* as following the tradition of European newspapers.

Putra Specialist Hospital Melaka Hospital pertama di Asia guna teknologi robotik

Liana Sahabudin

PENKALAN RAMA - Putra Specialist Hospital (PSH) Melaka menjadi hospital pertama di Asia melaksanakan kaedah pembedahan menggunakan teknologi robotik bermula pertengahan tahun 2022.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Wira Radhuana Salleh berkata beberapa doktor pakar bedah PSH Melaka telah menjalani latihan secara maya menerusi Handsfree Robotic Laparoscopic.

Katanya, latihan yang dianjurkan oleh syarikat perubatan dari United Kingdom, Freehand dan Imperial Medical Solution itu memberikan kemudahan kepada doktor-doktor pakar bedah di PSH untuk menyediakan perkhid-



RADHUANA

matan yang lebih berkualiti.

"PSH Melaka bertuah kerana teknologi ini adalah teknologi yang pertama di Asia menggunakan teknologi robotik, ia bukan sahaja boleh digunakan

oleh pakar bedah umum malah pakar urologi, ginekologi dan torasik," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) 15 Dislalu.

Mengulas lanjut, katanya, PSH cukup bertuah kerana dipilih Freehand dan Imperial Medical Solution untuk menggunakan kaedah teknologi robotik ini.

"Kita bertuah dipilih kerana kerjasama dengan pelbagai hospital dan juga 'training centre' di seluruh dunia beberapa tahun dahulu.

"PSH Melaka pernah melawat negara India dan kita melihat percubaan menggunakan robotik ini, Alhamdulillah kita dipilih kerana salah seorang pakar yang menguruskan teknologi robotik ini ia berasal dari Malaysia iaitu anak kepada doktor pakar di PSH.



ANTARA doktor pakar yang terlibat dalam latihan Handsfree Robotic Laparoscopic secara maya.

"Teknologi ini kita sasarkan pertengahan tahun hadapan, saya rasa ini adalah batu loncatan untuk menjadikan PSH Melaka lebih dikenali selain membawa lebih ramai pelawat terutamanya selepas pandemik ini atau semasa endemik," katanya.

Ujarnya, kelebihan menggunakan teknologi robotik adalah bagi membantu doktor pakar melakukan pembedahan yang memerlukan ketepatan dan kualiti.

"Secara tidak langsung memberikan kelebihan kepada pakar bedah untuk meningkatkan produktiviti mereka dan hasilnya bakal dirasakan oleh masyarakat disaat mereka memerlukan kemudahan tersebut.

"Bila ada robotik ini dia boleh sampai tepat ke tempat disasar-

kan (pembedahan), sudah tentu juga boleh jimatkan masa dan tenaga kakitangan.

"Kita juga mempunyai doktor-doktor pakar yang muda serta berjiwa besar untuk menggunakan peralatan lebih canggih mengikut kesesuaian hospital yang turut menyediakan fasiliti bertepatan," katanya.

Terdahulu Radhuana telah melancarkan latihan teknologi robotik 'Handsfree Robotic Laparoscopic' anjuran Freehand dan Imperial Medical Solution yang diadakan secara maya, 13 Dislalu.

Latihan itu disertai Beberapa Pakar Bedah Umum yang diketuai Datuk Dr Malik Feisal Ayob bersama Datuk Dr A. Senasi, Dr P.S. Doshi, Dr Noorharisman Ideris dan Dr P. Nanthini.



RADHUANA bergambar bersama doktor pakar bedah umum semasa latihan teknologi robotik 13 Dislalu.

WorldSkills Malaysia 2021: Mahasiswa UTeM rangkul empat anugerah

DURIAN TUNGGAL - Empat mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berpeluang mewakili Malaysia ke pertandingan WorldSkills Shanghai 2022 di China, pada 12 hingga 17 Okt tahun hadapan.

Pemilihan empat pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dijangka dilakukan selepas semua mereka merangkul empat anugerah pada Anugerah Kecemerlangan WorldSkills Malaysia 2021, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) yang menjalankan fungsi Naib Canselor UTeM Prof Dr Ghazali Omar berkata, pertandingan itu merupakan pengalaman besar buat keempat-empat penuntut daripada FTMK UTeM mempamerkan kemahiran dan kepakaran mereka.

"Kemenangan ini sekali gus menzahirkan bahawa ma-

hasiswa UTeM atau dikenali dengan TUAH UTeM mempunyai pakej kemahiran dan kompetensi tinggi dalam bidang dipelajari selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0.

"Keempat-empat pelajar ini berpeluang untuk menjalani ujian saringan sebelum melayakkan diri menjadi peserta mewakili Malaysia ke WorldSkills Competition Shanghai 2022 yang akan diadakan pada 12 hingga 17 Okt 2022 di Shanghai National Exhibition and Convention Center," katanya.

Pendahulu kecemerlangan itu ialah Low Zi Lun dari jurusan Diploma Teknologi Maklumat bersama penyelia yang merupakan pensyarah kanan FTMK, Yahya Ibrahim muncul johan bagi kategori 'Virtual Skills Malaysia' bidang 'IT Software Solution for Business'.

Sementara, Muhammad Najmi Rosli dari jurusan Di-

ploma Teknologi Maklumat bersama penyelia yang juga merupakan pensyarah kanan FTMK, Shahril Parumo meraih naib johan kategori sama dalam bidang Web Technologies.

Ia diikuti Chia Jian Wei pelajar kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) bersama penyelia Prof Dr Mohd Faizal Abdollah berjaya memenangi pingat Perak bagi kategori III Khabarovsk International Skills Competition untuk bidang IT Network System Administration.

Manakala Wan Muhammad Khairuddin Wan Ab Karim, pelajar kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer) bersama penyelia Dr Mohd Zaki Mas'ud turut memenangi pingat Perak bagi kategori WorldSkills Malaysia University Challenge 2021 untuk bidang Cybersecurity.




EMPAT mahasiswa UTeM merangkul empat anugerah pada Anugerah Kecemerlangan WorldSkills Malaysia 2021, baru-baru ini.



DR. Shankar Gunarasa



Muntah Berdarah : Apakah Penyebabnya?



SIMPTOM muntah berdarah jika berlaku boleh memudaratkan seseorang pesakit itu. Ia adalah satu kecemasan dan boleh membawa maut sekiranya tidak di rawat dengan cepat.

Muntah berdarah ini diambil dari istilah perubatan hematemesis. Ianya berpunca dari pendarahan di saluran oesophagus, perut dan usus kecil. Dari segi perubatan juga muntah berdarah ini terdiri dari dua jenis iaitu "variceal" dan "none variceal bleed".

Muntah "variceal" ini adalah berwarna merah cerah dan pesakit boleh berdarah dengan teruk dan mengancam nyawa pesakit. Lazimnya darah ini berpunca dari saluran darah yang membengkak di saluran oesophagus yang disebabkan oleh "portal hypertension" atau kerosakan di hati seperti hati cirrhosis.

Muntah "none variceal" pula berwarna merah gelap atau hitam dan disebabkan oleh pendarahan yang lama dan perlahan. Ia berpunca dari ulser di perut dan juga di usus kecil. Pendarahan seperti ini tidaklah memudaratkan berbanding dengan muntah "variceal", namun tetap terpaksa juga di rawat secara awal.

Apakah punca muntah berdarah ini? Terdapat banyak punca yang menyebabkan muntah darah berlaku.

Punca muntah darah yang tidak berbahaya

- Pendarahan di hidung.
- Muntah yang kerap hingga menyebabkan luka pada bahagian oesofagus yang dipanggil dari segi perubatan "Mallory Weis tear".
- Iritasi pada oesophagus disebabkan masalah gastrik atau refluks acid disebabkan oleh kelonggaran di penghujung oesophagus.
- Pendarahan daripada mulut disebabkan trauma ataupun gigi berdarah.

Punca muntah darah yang selalu berlaku adalah:

- Ulcer di perut disebabkan masalah gastrik.
- Kesan sampingan ubat tahan sakit (Jenis NSAIDs).
- Masalah gastrik yang kronik. Trauma di perut di sebabkan kemalangan.

Namun ada juga punca yang lebih serius yang menyebabkan pendarah ini seperti

- Kegagalan hati seperti cirrhosis hati
- Kanser oesophagus

- Kanser pankreas.
- Kanser perut.

Sukar untuk mengetahui apakah tanda-tanda awal untuk pesakit muntah berdarah ini tetapi antara simptom awalnya ialah rasa loya dan berasa sakit dan tidak keselesaan di perut. Tetapi sekiranya pesakit itu muntah darah yang amat banyak, tanda-tanda berikut akan di alami oleh pesakit iaitu

- Mata menjadi kabur.
- Pening kepala kerana tekanan darah yang kurang.
- Berdebar-debar.
- Sesak nafas.
- Kulit menjadi sejuk, iaitu salah satu simptom "shock".
- Muka pucat kerana kekurangan darah.
- Pingsan boleh berlaku bila tekanan darah terlalu rendah.

Rawatan awal untuk pesakit pesakit ini bergantung kepada status keseluruhan pesakit semasa rawatan. Sekiranya ada

simptom "shock" disebabkan kekurangan darah maka kantung darah terpaksa di berikan kepada pesakit untuk menstabilkan tekanan darah. Selepas itu punca pendarahan akan di pastikan, selain daripada melakukan ujian darah.

Selalunya diagnosis untuk muntah darah ini dipastikan dengan prosedur endoskopi iaitu oesophago-gastro duodenoscopy (OGDS).

Dalam prosedur ini, tube fiberoptik berhujungkan kamera di masukkan ke dalam mulut untuk melihat keadaan dinding oesophagus dan perut. Jika pendarahan sedang berlaku, terdapat beberapa prosedur yang akan dilakukan oleh doktor untuk menghentikan pendarahan tersebut, antaranya "thermal diathermy" untuk membakar tempat pendarahan, "klip" digunakan untuk mematkan saluran darah yang berdarah atau suntikan adrenaline di lapisan mukosa perut. Prosedur yang dipilih bergantung kepada kepakaran dan pengalaman doktor tersebut. Sekiranya punca pendarahan di oesophagus seperti "variceal bleed", banding

oesophagus atau glue histoacryl akan dilakukan kepada saluran darah tersebut. Di Hospital Pantai Ayer Keroh saya sentiasa menjalankan semua prosedur tersebut dan seringkali menggunakannya sekiranya ada pendarahan yang teruk.

Setelah pendarahan berhenti, barulah rawatan yang lebih spesifik kepada punca muntah darah tersebut dilakukan. Antara yang akan dilakukan sebagai contohnya:


- Masalah gastrik disebabkan jangkitan bakteria H pylori: Rawatan antibiotik H.pylori akan di jalankan untuk 2 minggu.

- Masalah gastrik disebabkan ubat tahan sakit: Berhentikan ubat tahan sakit tersebut ataupun gantikan ia dengan ubat tahan sakit yang tidak menyebabkan masalah gastrik. Pesakit juga perlu mengambil ubat untuk mengurangkan keasidan perut.

- Kanser oesophagus, perut ataupun pankreas: Pembedahan perlu dibuat untuk membuang kanser tersebut untuk mengelakkan pendarahan berlaku lagi.

- Esophageal varices: Rawatan dan ujian darah untuk hati di lakukan secara lazimnya. Pesakit juga akan di beri ubatan propranolol untuk mengurangkan tekanan di hati yang sekaligus mengurangkan bengkak di saluran darah di oesophagus.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bagaimana untuk mengelakkan daripada muntah berdarah, anda boleh berhubung dengan Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131 atau nombor whatsapp klinik +6014 3639705.



Tokoh masyarakat dilantik 'Duta Keamanan'



ABDUL Majid mengagihkan hebahan aktiviti jenayah kepada orang awam di Banda Hilir.



Lena tidur, tak sedar Imigresen ketuk pintu

GELAGAT warga asing yang cuba melarikan diri daripada ditahan penguatkuasa Imigresen.

AYER KEROH - Seramai 152 pendatang tanpa izin (Pati) ditahan dalam operasi bersepadu yang dijalankan Jabatan Imigresen Melaka, awal pagi 16 Dislalu.

Operasi lebih 10 jam itu dilakukan di beberapa lokasi sekitar Alor Gajah dan Melaka Tengah.

Pengarah Jabatan Imigresen Melaka, Anirwan Fauzee Mohd Aini berkata, seramai 235 pekerja warga asing diperiksa dalam serbuan di rumah kongsi, tapak pembinaan, pusat urut serta rumah pangsa di dua daerah itu.

Beliau berkata, selain berdepan dengan tindakan nekad melarikan diri ke dalam semak berhampiran, penguatkuasa juga terpaksa menunggu lama sebelum pintu rumah dibuka kerana sedang nyenyak tidur.

"Kita berjaya menahan seramai 152 Pati berusia antara 11 hingga 50 tahun selepas

mereka gagal mengemukakan dokumen perjalan sah ketika diminta.

"Mereka yang ditahan ini membabitkan warga Bangladesh, Indonesia, Myanmar dan Pakistan selain lapan warga tempatan turut diberi notis untuk hadir memberi keterangan," katanya.

Menurut beliau, operasi bersepadu itu dijalankan hasil aduan orang awam dan penduduk setempat mengenai kebanjiran warga asing di kawasan itu.

"Mereka yang ditahan ini didapati tiada dokumen pengenalan diri, tinggal lebih masa, pas kerja sementara tamat tempoh dan kesalahan lain di bawah Akta Imigresen 1959/63.

"Malah Jabatan Imigresen juga tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak atau individu yang didapati bertindak melindungi pati," katanya.

Siti Salehah

BANDA HILIR - Polis Kontinjen Melaka menjadi pasukan polis pertama di negara ini yang melantik tokoh masyarakat sebagai Duta Keamanan.

Ketua Polis negeri Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, tokoh masyarakat yang dilantik ini akan membantu pihak polis dalam menyampaikan maklumat berkaitan jenayah secara berterusan kepada komuniti setempat.

Beliau berkata, pendekatan baharu diambil Polis Kontinjen Melaka dengan membabitkan masyarakat

dalam aktiviti Community Policing.

"Ini projek pertama atau pilot projek (Duta Keamanan) dan rasanya pertama di Malaysia yang kita bakal buat.

"Jika kaedah yang kita gunakan ini dapat membantu Melaka dari segi keamanan dan ketenteraman kita akan perluaskan konsep melantik duta keamanan ini untuk bantu polis bagi menjamin keselamatan setempat," katanya dalam sidang media di Banda Hilir, 11 Dislalu.

Beliau berkata, dengan adanya tokoh masyarakat ini, mereka akan membantu

polis menyerahkan atau menyampaikan maklumat dan bahan edaran berkaitan jenayah kepada komuniti setempat.

"Oleh itu pendekatan baharu diambil ini kita cuba di kawasan Jonker Street dan melantik tokoh berkaitan antaranya ahli politik dan wakil persatuan," katanya.

Sementara itu, Abdul Majid berkata, dalam tempoh dua tahun iaitu pada 2020 dan Januari hingga November 2021 tiada kes membabitkan jenayah ragut dilaporkan berlaku di kawasan Jonker Street manakala sepanjang 2019 hanya 11 kes diterima.

Bahana jeruk mangga lampu isyarat

Faris Haikal Zakaria

DURIAN TUNGGAL - Padah menjalankan aktiviti jual beli jeruk mangga di persimpangan lampu isyarat lebuhraya, beberapa individu dikompaun, 13 Dislalu.

Tindakan itu diambil menerusi Op Penjaja Jalanan yang dijalankan Jabatan Sasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Melaka di sekitar persimpangan lampu isyarat Gangsa dan Ayer Keroh.

Ketua JSPT Melaka Superintendan Hasan Basri Yahya berkata, tindakan itu diambil bukan sahaja kepada penjual bahkan pembeli dan pembekal turut diambil tindakan di atas kesalahan mengganggu keselamatan pengguna jalan raya dan dikhuatiri menyebabkan kemalangan lalu lintas.

Katanya, seramai empat pembeli dan lima pembekal jeruk mangga dikenakan tindakan kompaun berjumlah RM150, manakala enam penjual pula bakal dikenakan tindakan undang-undang.

"JSPT Melaka akan menjalankan operasi bermula 13 hingga 31 Dis ini.

"Operasi ini terpaksa kita jalankan memandangkan sekarang ini terlalu ramai orang yang berniaga di jalanan ini dan menyebabkan bahaya kepada penjual dan bahaya kepada pengguna jalan raya.

"Di Melaka sendiri ada suatu keadaan di mana motor trafik hampir melanggar penjual apabila kita melintas di celah-celah kenderaan ini.

"Dalam operasi pada hari ini, kita telah mengeluarkan saman terhadap enam penjual, manakala empat pembeli dan lima pembekal jeruk mangga dikompaun RM150," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) di pejabatnya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, Bukit Beruang.

Mengulas lanjut, beliau berkata, biarpun larangan berniaga di persimpangan lampu isyarat telah dikuatkuasakan sejak 10 Oktober tahun lalu, namun ia seolah dipandang enteng, malah jumlah peniaga semakin bertambah sejak akhir-akhir ini.

Justeru, tindakan undang-undang perlu diambil di bawah akta 10A (1) LN 166/59 dibaca bersama 10A (2) LN 166/59 Peraturan Lalu Lintas Jalan Raya.

"Saya katakan tadi carilah tempat berniaga lebih baik. Kita boleh tengok macam di Krubong ada yang meniaga pisang goreng di tepi jalan.

"Itu di tepi, jadi kita boleh berhenti di tepi. Kita tak halang, siapa cari rezeki kita tak halang tapi carilah tempat-tempat yang sesuai," katanya.



OP Penjaja Jalanan yang dijalankan JSPT Melaka di persimpangan lampu isyarat Gangsa-Durian Tunggul.

Nelayan bina surau untuk pengunjug Pantai Puteri

Din Ahmad

PANTAI KUNDOR - Nelayan di Kampung Pantai Jaring, Pantai Puteri, di sini berkongsi kegembiraan selepas berjaya membina surau untuk pengunjug pantai itu.

Daripada sekadar gu-
rauan dalam kalangan ne-
layan, akhirnya cakup-
cakap untuk membina su-
rau bagi kemudahan pen-
gunjug Pantai Puteri
menjadi kenyataan hasil
sumbangan 20 nelayan
dan rakan mereka.

Dengan dana sebanyak
RM11,000 yang berjaya di-
kumpulkan, nelayan terba-

bit bergotong-royong mem-
bina surau dan melengkap-
kan sistem penyaluran air
dari telaga ke paip surau
dengan menggunakan ten-
aga elektrik.

Ketua nelayan, Ali Zai-
nol, 61, berkata beliau dan
nelayan lain sering menyak-
sikan pengunjug pantai
membentangkan sejadah di
bawah pokok ru untuk me-
nunaikan solat.

"Kami solat di pondok
pangkalan nelayan tetapi
ruangnya amat terhad dan
kami tidak dapat menerima
orang ramai yang ingin me-
nunaikan solat di tempat
itu.

"Pada mulanya kami

sekadar bergurau untuk
membina surau tetapi sel-
epas seorang demi seorang
memberikan sumbangan
termasuk sahabat handai
kami yang bukan nelayan,
kami berusaha membina
secara gotong-royong
pada Oktober lalu," katanya
kepada Melaka Hari Ini.

Beliau berkata, waktu
terluang ketika tidak turun
ke laut digunakan nelayan
untuk bersama-sama mem-
bina surau berkenaan, selain
mendapatkan perkhidmatan
seorang juruelektik untuk
membolehkan air telaga dis-
alurkan ke paip di surau itu.

Ali berkata, sebelum
kerja pembinaan dimula-



MOHD Ali Zainol memasang papan tanda surau baharu yang siap dibina di Pantai Puteri.

kan, beliau mendapatkan
kebenaran Jabatan Pen-
gairan dan Saliran (JPS)
bagi memastikan tidak
menghadapi masalah sel-
epas surau itu siap dibina.

Bagaimanapun, beliau
mengingatkan pengunjug
pantai yang ingin mengg-
unakan kemudahan di

surau itu supaya tidak
mandi di tempat wuduk
atau mengotori ruang solat
dengan pasir yang melekat
pada kaki ketika berjalan di
pasir pantai.

Sementara itu, Abdul
Aziz Yahaya, 59, berkata
sebelum adanya surau ber-
kenaan, pengunjug pantai

terpaksa ke Masjid al-Hilal
sejauh kira-kira 500 meter.

"Surau berkenaan
mampu memuatkan 10 je-
maah lelaki dan empat
wanita pada satu-satu
masa dengan mematuhi
prosedur operasi standard
(SOP) jarak satu meter,"
katanya.

Pasar Jasin naib johan pasar bersih, selamat



PASAR Besar Jasin kelolaan MPJ muncul naib johan Pertandingan Anugerah Pasar Bersih Dan Selamat Tahun 2021 Peringkat Negeri Melaka.

Juraidah Othman

JASIN - Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) terus melakar kejayaan apabila merangkul naib johan Per-
tandingan Anugerah Pasar Bersih
Dan Selamat Tahun 2021 Peringkat
Negeri Melaka, baru-baru ini.

Pertandingan itu diadakan
Sempena Hari Keselamatan Ma-
kanan Sedunia anjuran Kem-
enterian Kesihatan Malaysia
Dan Kualiti Makanan, Jabatan
Kesihatan Negeri Melaka.

Yang Dipertua MPJ, Datin
Sapiah Haron berkata, anugerah
yang dirangkul Pasar Besar Jasin
itu menzahirkan komitmen MPJ
terhadap aspek kebersihan, kese-
lamatan, sosial serta alam sekitar.

Menurutnya, dengan peng-
iktiran tersebut sekali gus men-
ingkatkan lagi prestasi MPJ
selaku pihak berkuasa tempatan
(PBT) di negeri ini.

"Anugerah ini juga turut
menjadi kayu ukur kepada tahap
kecemerlangan jabatan. Mene-

rusi anugerah ini juga, MPJ perlu
memastikan apa yang dicapai
harus dikekalkan untuk pering-
kat seterusnya.

"Malah kita perlu mening-
katkan peranan supaya memper-
oleh pelbagai pengiktirafan yang
mencerminkan kualiti MPJ itu
sendiri," katanya.

Jelas Sapiah, usaha dipa-
merkan kakitangan MPJ amat
membanggakan berikutan kerja
keras itu membantu memberi
perkhidmatan terbaik sepanjang
mereka bersama dalam jabatan
tersebut.

"Saya harap dengan anuge-
rah ini, semua warga kerja MPJ
lebih komited dalam mengekal-
kan kualiti perkhidmatan terbaik
kepada masyarakat khususnya di
daerah Jasin," katanya.

Dalam pada itu, Sapiah turut
menyeru kepada masyarakat
khususnya di daerah Jasin agar
menitikberatkan aspek kebersi-
han walau di mana berada kerana
kebersihan mencerminkan sikap
dan perilaku seseorang.

Kongsi keceriaan Krismas bersama insan istimewa

ALOR GAJAH - Bersempena
perayaan Hari Natal, SWM En-
vironment Sdn Bhd (SWM En-
vironment) Melaka berkongsi
keceriaan bersama 25 kanak-
kanak istimewa dan warga emas
di negeri ini.

Ia diadakan menerusi pro-
gram SWM Kasih Krismas ber-
sama Persatuan Kebajikan
Kanak-kanak Istimewa dan
Warga Emas Alor Gajah yang
berlangsung 16 Dislalu.

Pengurus Besar Korporat
SWM Environment Mohd Norli-
sam Mohd Nordin berkata, inisi-

atif Tanggungjawab Sosial Kor-
porat (CSR) yang dijalankan itu
merupakan sebahagian daripada
komitmen berterusan pihak
syarikat untuk membantu insan
memerlukan.

Jelasnya, ia juga bertujuan
memberi kesedaran kepada ma-
syarakat agar tidak melupakan
golongan kurang bernasib baik
khususnya menjelang musim
perayaan.

"Selain berusaha memberi
perkhidmatan pengurusan sisa
pepejal dan pembersihan awam
yang terbaik, SWM Environment

turut komited mendekati masya-
rakat dengan menghulurkan
bantuan kepada golongan yang
memerlukan.

"Melalui program SWM
Kasih Krismas, diharapkan
sedikit sebanyak dapat memb-
antu kelangsungan operasi
Persatuan Kebajikan Kanak-
kanak Istimewa dan Warga
Emas Alor Gajah serta mem-
beri keceriaan kepada semua
penghuninya.

"Sekurang-kurangnya peng-
huni di rumah kebajikan ini tahu
bahawa masih ada pihak yang

mengambil berat terhadap ke-
bajikan mereka," katanya.

Antara sumbangan yang di-
berikan kepada Persatuan Ke-
bajikan Kanak-kanak Istimewa
dan Warga Emas Alor Gajah ada-
lah barangan makanan, baran-
gan keperluan harian dan
kelengkapan penjagaan diri.

Persatuan Kebajikan
Kanak-kanak Istimewa dan
Warga Emas Alor Gajah turut
didaftarkan di bawah program
KITARecycle iaitu sebuah pro-
gram kitar semula oleh SWM
Environment yang menawar-

kan mata ganjaran kepada
ahlinya.

Melalui program KITARe-
cycle ini membolehkan orang
ramai melakukan 'kitar semula'
dengan menyumbang bahan-bahan kitar
semula kepada persatuan itu.

Seterusnya, mata ganjaran
yang diperoleh hasil sumbangan
bahan-bahan kitar semula oleh
orang ramai ini akan dimasuk-
kan terus ke akaun KITARecycle
Persatuan Kebajikan Kanak-
kanak Istimewa dan Warga Emas
Alor Gajah.

MGBM, NGO cadang had umur belia ditangguh 2025

Fiqa Jamal

PUTRAJAYA - Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) bersama 41 badan bukan kerajaan (NGO) pertubuhan belia seluruh Malaysia mencadangkan agar pelaksanaan had umur 30 tahun bagi memegang jawatan pertubuhan belia ditangguh ke 2025.

Presiden Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM), Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali berkata, susulan cadangan itu, pihaknya bersama wakil NGO pertubuhan belia mengadakan pertemuan serampang dua mata bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) di Putrajaya, 14 Dislalu.

Pertemuan itu, katanya, bagi mendapatkan penjelasan terperinci mengenai pelaksanaan had umur tersebut yang akan dijadual berkuat kuasa bermula 1 Jan depan seperti diumumkan dalam sidang Parlimen 17 Nov lalu.

Beliau berkata dalam sesi dialog itu, satu kesepakatan telah dicapai bersama Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu untuk menangguhkan pelaksanaan had umur belia.

"Pihak menteri telah pun capai satu persetujuan bagi menangguhkan had umur belia dan akan ada lagi rundingan sesi kedua untuk penetapan (*time*

frame) bilakah akan bermula pelaksanaan itu (had umur belia), memandangkan ada dua tarikh.

"Cadangan pihak NGO memohon agar pelaksanaan had umur ini dibuat pada 31 Dis 2025, namun pihak menteri pula mencadangkan pada Julai 2022 sebagai tarikh pelaksanaan," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Mohd Ridhwan berkata usaha yang dilakukan ini adalah untuk memastikan kesinambungan kepimpinan belia pelapis yang akan diangkat nanti mampu menggalas tanggungjawab memimpin serta meneruskan agenda pertubuhan belia yang ada sekarang.



MOHD Ridhwan (depan, dua dari kanan), bergambar bersama wakil-wakil NGO Pertubuhan Belia seluruh Malaysia di hadapan Bangunan KBS Putrajaya, selepas sesi pertemuan bersama Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

50,000 banjiri Promosi Kraf Malaysia

BANDA HILIR - Seramai 50,000 pengunjung membanjiri Promosi Kraf Malaysia yang diadakan di Pusat Beli Belah Mahkota Parade selama lima hari bermula 9 hingga 13 Dislalu.

Pengarah Perbadanan Kemaajuan Kraftangan Malaysia Melaka Nur Ithnani Ilyana Alias berkata, sambutan itu cukup menggalakkan yang mana nilai jualan produk kraftangan turut mencapai sasaran ditetapkan.

Katanya, sebagai daya penarik, pihaknya menawarkan rebat tunai RM30 kepada pengunjung bagi setiap pembelian produk kraftangan bernilai RM100 ke atas.

"Untuk Promosi Kraf Malaysia kali ini kita membawa 13 peniaga kraftangan dari seluruh negeri untuk menjual dan memasarkan produk mereka.

"Inisiatif ini dilakukan dalam usaha membantu mereka (usahawan kraf) yang tidak dapat menjual produk mereka semasa



ANTARA produk kraf yang dijual pad Promosi Kraf Malaysia di Mahkota Parade 9 hingga 13 Dislalu.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

"Alhamdulillah, sasaran yang ditetapkan tercapai dan semua usahawan dapat menjana penda-

patan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, seorang usahawan yang terlibat dalam Promosi Kraf Malaysia, Mastura

Selamat, 55 meluahkan rasa syukur kerana platform itu dapat membantu usahawan kecil menjana pendapatan.

"Saya sangat gembira, ini

dapat bantu kami usahawan kecil terus gerak ke hadapan selain mempromosi produk kraf kami.

"Rata-rata pengunjung hujung minggu ini bukan dari Melaka, jadi mereka teruja dapat melihat sendiri keunikan produk kraf yang kita pameran.

"Sudah lebih lima kali saya sertai pameran sebegini dan alhamdulillah dalam tempoh PKP saya tidak terjejas sangat sebab kita jual juga secara dalam talian," katanya yang mempunyai sebuah studio kraftangan di Bukit Katil Damai.

Manakala, Shazwani Sa'ari, 35 pula teruja apabila produk kraf seperti tudung saji, soft toys guna material batik dan lain-lain hasil tangan sendiri mendapat sambutan cukup baik daripada pengunjung.

"Alhamdulillah dengan sertai pameran ini dapatlah usahawan kecil memasarkan produk kraf mereka dan sambutan juga sangat menggalakkan," katanya.

Teater Tu Hantu Hantu menghiburkan, penuh sindiran

Faiz Hasan

AYER KEROH - Teater Muzikal Komedie 'Tu Hantu Hantu' yang dipentaskan di Panggung Seri Kompleks Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri (JKKN) Melaka boleh disifatkan sebagai sebuah 'masterpiece' yang cukup menghiburkan.

Pementasan teater yang dinaungi Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dengan kerjasama JKKN Melaka dan Pertubuhan Seni Kesidang Seri (PERSIDANG) itu bukan sahaja mencuit hati penonton bahkan

penuh dengan unsur-unsur sindiran kepada masyarakat.

Karya diilhamkan Isa Maarof yang merupakan tenaga kerja JKKN Melaka itu menghimpunkan pelbagai gelagat kehidupan manusia masa kini yang tidak terlepas dari anasir-anasir negatif.

Karyaitu juga, menggambarkan kehidupan manusia yang ada kalanya lebih teruk daripada hantu.

Selain menampilkan pelakon dan penyanyi teater, karya itu turut memperkenalkan bakat-bakat cilik dari tiga buah sekolah di negeri ini.

Pementasan teater selama dua hari pada 10 dan 11 Dis itu antara lain merupakan salah satu usaha yang dijalankan MBMB bersama JKKN Melaka dan PERSIDANG untuk memartabatkan warisan seni budaya di negeri ini.

Majlis kemuncak pementasan teater itu telah dirasmikan oleh Exco Kerajaan Tempatan Datuk Zaidi Attan pada 11 Dis.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Kamel Mohamad, Datuk Bandar MBMB Datuk Zainal Abu, Pengarah JKKN Melaka Ezlina Alias dan lain-lain kenamaan.



SESI bergambar selepas tamat pementasan Teater Muzikal Komedie 'Tu Hantu Hantu' di Panggung Seri Kompleks JKKN Melaka.

Boling tertutup UMNO Baruh Alai

Dekati anak muda melalui sukan

SERAMAI 50 peserta berentap dalam kejohanan boling tertutup anjuran UMNO Baruh Alai bertempat di Pusat Boling Antarabangsa MITC (MIBC), 15 Dislalu.

Ketua UMNO cawangan Baruh Alai Datuk Akramuddin Abdul Aziz berkata, kejohanan itu menampilkan jentera-jentera Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang majoritinya terdiri dalam kalangan anak muda.

Beliau berkata, penganjuran yang menampilkan pelbagai hadiah berupa barangan elektrik bernilai RM15,000 itu juga merupakan usaha bagi menghargai sumbangan wira tidak didendang (pemuda) yang banyak membantu kejayaan UMNO menawan semula kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Mas.

"Uniknya pemuda-pemuda ini tertarik dengan cara kita mendekati mereka sewaktu pilihan raya. Jadi kejohanan sukan seperti inilah menjadi antara cara kita mendekati lagi dengan golongan muda.

"Tidak dinafikan peranan orang muda banyak membantu kejayaan kita yang mana boleh dikatakan 90 peratus kejayaan kita pada PRN lalu disumbangkan golongan



AKRAMUDDIN (dua dari kiri) bersama jawatankuasa bergambar bersama anak muda yang menyertai Kejohanan Boling Tertutup UMNO Baruh Alai di MIBC Ayer Keroh.

ini," katanya ketika ditemui pada kejohanan tersebut.

Mengulas lanjut, Akramuddin berkata, selain boling, pihaknya juga bakal menganjurkan satu lagi kejohanan sukan bola sepak sawah dalam masa terdekat.

Katanya, kejohanan berkonsep unik itu merupakan ilham Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas Datuk Abdul Razak Abdul

Rahman sendiri dalam mendekati dan menghargai golongan muda di kawasan Telok Mas dan Kota Melaka.

Sementara itu, penganjur kejohanan, Mohd Halim Daud, 34 berkata, acara sukan seperti boling, sepak takraw dan futsal cukup sinonim dengan golongan belia Baruh Alai sejak dahulu lagi.

Beliau yang juga Pemuda

UMNO Baruh Alai berkata, selain menghargai sumbangan, kejohanan itu juga berupaya mengeratkan hubungan pemimpin setempat dengan anak muda dalam bersamasama memajukan negeri ini.

"Memang setiap tahun kita anjurkan kejohanan sukan dan ia sentiasa mendapat sambutan begitu menggalakkan daripada golongan belia.

"Insya-Allah, selepas ini, Pemuda UMNO Baruh Alai bercadang untuk mengembalikan semula kejohanan sepak takraw Piala Isa yang cukup sebatian dengan masyarakat di sini.

"Selepas empat atau lima tahun tidak diadakan, ia akan diadakan kembali bagi menghidupkan semula tradisi sukan di kawasan ini," katanya.



Mini KARNIVAL KERJAYA

Jasin

23 DISEMBER 2021 | KHAMIS
MYDIN, JASIN, MELAKA

9.00 PAGI - 2.00 PETANG

- TEMUDUGA TERBUKA
- PAMERAN AGENSI
- PENDAFTARAN PERNIAGAAN



ANJURAN :  **INSTITUT TUN PERAK**
انستيتوتون تون فيزادق
MEMARTABATKAN ANDA MENSEJAHKANKAN RAKYAT

DENGAN KERJASAMA : 




Sila Imbas QR-Code Untuk Pendaftaran Awal

RAKYAT MELAKA JOM CARI KERJA!!







Sukan

MELAKA HARI INI



>> **UMNO**
Baruh
Alai anjur
kejuhanan
boling
23



JANG Suk-Won (kanan) meninggalkan Melaka United selepas tiga tahun bersama pasukan.

'Jang' ucap selamat tinggal

Mohamad Fazrul Abdul Majid

"TIGA tahun yang indah di Melaka United, ada naik dan turun tetapi bagi saya ia adalah sebahagian daripada kerjaya bolasepak saya."

Demikian bait-bait kata perpisahan daripada tonggak pertahanan Kelab Bolasepak Melaka United (Melaka United FC), Jang Suk-Won yang tidak lagi bersama skuad Hang Tuah musim depan.

Selepas tiga tahun menyanggah jersi hijau putih, pemain kelahiran Korea Selatan itu kini memilih mencari cabaran baharu bersama kelab lain.

Katanya, meskipun tidak lagi bersama Melaka United, namun kenangan indah bersama kelab yang dianggap seperti 'rumah' dan keluarganya sendiri akan kekal terpahat dalam ingatan.

"Saya gembira untuk mengharungi setiap perlawanan bersama keluarga saya."

"Saya percaya perjalanan saya di Melaka sudah pun berakhir dan tiba masanya

untuk cabaran dan pengembaraan baharu.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi, Jurulatih Zainal Abidin Hassan dan lain-lain yang meletakkan kepercayaan kepada saya. Dari lubuk hati saya, hanya Tuhan yang tahu betapa bersyukur saya untuk ini," katanya dalam satu kenyataan yang dimuat naik Melaka United FC.

Dalam pada itu, Suk Won turut memohon maaf kepada pengurusan, pemain dan penyokong Melaka United kerana tidak dapat mengucapkan selamat tinggal secara sempurna.

Katanya, semua itu (meninggalkan pasukan) berlaku secara tiba-tiba yang mana dirinya tidak mempunyai platform media sosial untuk mengucapkan salam perpisahan kepada semua.

"Saya tidak mempunyai sebarang platform media sosial jadi saya tidak pasti bagaimana untuk menyatakan perpisahan dan rasa terima kasih saya."

"Sepanjang hidup saya, saya memberi-

kan segalanya untuk bolasepak. Pada saya kadangkala saya rasa media sosial boleh mengganggu prestasi saya. Saya menjauhinya supaya ia tidak mengganggu prestasi saya di dalam dan di luar padang," ujarnya.

Di akhir ucapan, Suk-Won turut menyatakan kesediaan untuk kembali semula ke Melaka sekiranya diberi peluang sekali lagi.

"Saya ingin menyatakan betapa bertuahnya saya selama 3 tahun ini. Tiada apa di dunia ini boleh mengubah perasaan ini."

"Jersi hijau dan logo ini akan sentiasa mendapat tempat istimewa di hati saya. Mungkin pada masa akan datang kita akan bertemu lagi dan saya gembira untuk kembali lagi ke Melaka," katanya lagi.



AKSI Jang Suk-Won ketika membantu Melaka United mara ke separuh akhir Piala Malaysia 2021.
Foto : Melaka United Soccer Association